



2022

**LAPORAN
TAHUNAN
AUDIT
DALAM**



KANDUNGAN

PRAKATA & KEPERLUAN PELAPORAN

PERUTUSAN DATUK BANDAR

PENGHARGAAN KETUA UNIT AUDIT DALAM

BAHAGIAN 1 : LATAR BELAKANG

1 - 3

BAHAGIAN 2 : LAPORAN PENGAUDITAN

1.0 PROGRAM TERAS UNIT AUDIT DALAM (UAD)

1.1. Mesyuarat Jawatankuasa Audit (JKA)	4
1.2. Pemeriksaan Mengejut AP 308 dan AP 309	5 – 23
1.3. Pengauditan MS ISO 9001:2015 Oleh UAD Majlis Bandaraya Seremban (MBS)	24 – 30
1.4. Pengauditan MS ISO 9001:2015 Oleh SIRIM	31 – 33

2.0 PENGAUDITAN PENGURUSAN KEWANGAN

2.1 Penyemakan Bayaran Bil Elektrik MBS Tahun 2021	34 – 35
2.2 Pengauditan Pengurusan Hasil Tidak Kenal Pasti Tahun 2021	36 – 37
2.3 Pengauditan Pengurusan Projek MBS	38 – 113
2.4 Pengauditan Terimaan	114 – 133
2.5 Pengauditan Pengurusan Kewangan Oleh Unit Audit Dalam Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan.	134 – 152
2.6 Pengauditan Pengurusan Kewangan Berdasarkan Kriteria Sistem RatingNS Oleh Unit Audit Dalam Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan.	153



3.0 PENGAUDITAN PENGURUSAN DAN PENTADBIRAN

3.1. Pengauditan Sistem Penarafan Bintang Pihak Berkuasa Tempatan (SPB-PBT)	154 – 156
3.2. Pengauditan Sistem Penarafan Bintang Pihak Berkuasa Tempatan (SPB – PBT) Oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) Negeri Sembilan	167 – 160
3.3. Pengauditan Pengurusan Kenderaan & Buku Log Kenderaan Majlis Bandaraya Seremban	161 – 199
3.4. Pengauditan Daftar Perjanjian dan Semakan Perjanjian Serta Usahasama	200 – 206
3.5. Pengauditan Pengurusan Pembangunan Hartanah Kerajaan Oleh Agensi Negeri, Jabatan Audit Negara N. Sembilan	207 – 213
3.6. Pengauditan Pematuhan Garis Panduan Pengurusan Dan Penyelenggaraan Kolam Renang Awam – Pusat Akuatik Negeri	214 – 220

BAHAGIAN 3: LAPORAN LAIN-LAIN AKTIVITI

a) Sesi Konsultansi - Penemuan Audit Belum Selesai 2019 - 2021	221
b) Pemeriksaan Mengejut Kenderaan Bersama Datuk Bandar	222 – 228
c) Urusetia Kursus Pengurusan Risiko dan Audit Dalaman MS ISO 9001:2015	229

BAHAGIAN 4: SUMBANGAN KEPADA MAJLIS 230 – 233

PENUTUP

KEPERLUAN PELAPORAN

Berasaskan kepada Pekeliling Perbendaharaan PS 3.1 Unit Audit Dalam, Majlis Bandaraya Seremban (MBS) dengan ini menerbit dan mengemukakan senaskah Laporan Tahunan Audit Dalam Tahun 2022.

**Ketua Unit Audit Dalam
Majlis Bandaraya Seremban**

PRAKATA

Pada tahun 2022, Unit Audit Dalam (UAD) telah berjaya melaksanakan fungsi pengauditan yang telah dirancang dengan jayanya seperti dalam Rancangan Audit Tahunan 2022. Selaras dengan PP PS 3.1, UAD telah menghasilkan Laporan Tahunan Audit Dalam Tahun 2022 yang meliputi hasil pengauditan dan aktiviti UAD yang telah dijalankan sepanjang tahun 2022. Pengauditan yang dijalankan merangkumi Pengauditan Pengurusan Kewangan, Prestasi, Pengurusan Aset, Pengauditan MS ISO 9001:2015 dan lain-lain.

Penubuhan UAD adalah untuk membantu pihak pengurusan bagi memantapkan lagi akauntabiliti, tadbir urus dan integriti dengan mengeluarkan laporan audit yang objektif, berkualiti dan seimbang. Selain itu, UAD juga memberi bimbingan dan khidmat nasihat kepada Auditee bagi mempertingkatkan tahap kecekapan, keberkesanan pengurusan kewangan dan perbelanjaan secara berhemah.

Segala penemuan audit dan syor-syor penambahbaikan dibentangkan dalam laporan ini perlu dijadikan sumber rujukan dan *lesson learned* kepada Majlis Bandaraya Seremban dalam usaha berterusan untuk menambah baik kawalan dalaman, tadbir urus dan seterusnya meningkatkan akauntabiliti di semua Jabatan & Unit.

UAD dengan ikhlasnya mengucapkan sekalung penghargaan dan terima kasih terhadap layanan mesra dan *family-spirit* yang diberi semasa pengauditan dijalankan. Di samping itu, UAD juga menyanjung tinggi usaha dan komitmen yang ditunjukkan oleh semua pihak terhadap penemuan audit yang dibangkitkan. Semoga jalinan kerjasama yang ditunjukkan mampu mempertingkatkan tahap kecemerlangan dan kecekapan pengurusan ke arah pengurusan yang lebih baik.

Unit Audit Dalam

Majlis Bandaraya Seremban

**MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN
UNIT AUDIT DALAM**

PERUTUSAN DATUK BANDAR

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera

Syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izin-Nya Laporan Tahunan Unit Audit Dalam Majlis Bandaraya Seremban 2022 dapat diterbitkan. Tahniah diucapkan kepada warga Unit Audit Dalam (UAD) Majlis Bandaraya Seremban (MBS) di atas penerbitan laporan ini.



MBS merupakan pendukung dan pelaksana dasar Kerajaan Negeri Sembilan yang utama. Sebagai sebahagian daripada sistem pentadbiran negeri, MBS wajib memastikan segala tadbir urus, perjalanan operasi, pembangunan, penjanaaan hasil dan perbelanjaan sumber diurus selia dengan cekap dan berkesan. Tiada ruang untuk sebarang salah laku atau salah guna kuasa boleh dibenarkan berlaku di MBS yang boleh membuka ruang kepada masyarakat melihat dan menilai MBS sebagai sebuah entiti yang gagal dan korupsi.

Seremban dan Nilai hari ini telah mencapai 3 tahun mengorak langkah dalam era bandaraya, dimana peranan dan fungsi MBS kian menjadi berat dan mencabar. UAD merupakan satu bentuk kawalan diri yang perlu diberi sokongan penuh dan diperkasa dari semasa ke semasa demi memastikan visi MBS iaitu “Bandar Raya Pintar Yang Mampan, Bersih Dan Berdaya Maju” menjadi realiti. Saya ingin menyeru seluruh warga kerja MBS untuk memberikan sokongan penuh terhadap UAD dengan melaksana, implimentasi serta mematuhi setiap langkah, proses dan peraturan yang telah digariskan.

Akhir kata, saya berharap semoga laporan ini, tidak hanya menjadi simpanan di rak-rak jabatan sebaliknya jadikan ianya panduan dan rujukan untuk kerja harian. Saya ingin merakamkan penghargaan kepada seluruh warga MBS di atas kerjasama dan komitmen yang telah diberikan kepada UAD semasa pengauditan dilaksanakan dalam usaha meningkatkan prestasi tadbir urus di bawah tata kelola kakitangan di MBS.

Sekian, terima kasih.

DATO' MASRI BIN HAJI RAZALI
Datuk Bandar
Majlis Bandaraya Seremban

**MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN
UNIT AUDIT DALAM**

PENGHARGAAN KETUA UNIT AUDIT DALAM

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera

Syukur alhamdulillah ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnia dan keizinanNya, Unit Audit Dalam (UAD) telah menerbitkan Laporan Tahunan Audit Dalam Majlis Bandaraya Seremban 2022 selaras dengan keperluan Pekeliling Perbendaharaan - PS 3.1.

Pada tahun 2022, UAD telah berjaya melaksanakan fungsi pengauditan yang telah dirancang dengan jayanya. Hasil kerja-kerja audit ke atas Majlis Bandaraya Seremban (MBS), sebuah organisasi yang lahir hasil gabungan dari dua buah Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Majlis Perbandaran Seremban dan Majlis Perbandaran Nilai telah dikumpulkan dan dijadikan Laporan Tahunan Unit Audit Dalam 2022.

Laporan ini bukan bermatlamat untuk meletakkan kesalahan atau teguran kepada mana-mana pihak yang terlibat sebaliknya lebih kepada peringatan dan moga dapat dimanfaatkan untuk membantu warga kerja MBS mengukuh dan memperbaiki lagi amanah dan tugas dengan cekap dan berkesan pada tahun-tahun mendatang.

Di kesempatan ini, UAD ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada YBhg. Dato' Masri Bin Haji Razali, Datuk Bandar MBS dan seluruh kepimpinan Majlis Bandaraya Seremban yang telah menyokong, memberi bimbingan, kerjasama dan kepercayaan kepada kami dalam usaha untuk sama-sama memandu MBS ke arah pengurusan yang lebih gemilang dan cemerlang.

Sekian, terima kasih.

MUHAMAD SHAHIZAD BIN SALEH
Ketua Unit Audit Dalam
Majlis Bandaraya Seremban



LATAR BELAKANG

LATAR BELAKANG MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN



VISI MBS

Bandar Raya Pintar
Yang Mampan, Bersih
Dan Berdaya Maju



MISI MBS

Menyediakan Perkhidmatan Pintar
Yang Efisien, Berkualiti Dan Telus
Bagi Memastikan Warga Bandar
Raya Seremban Menikmati
Kehidupan yang Selesa dan
Sejahtera



MOTO MBS

MAMPAN.
BERSIH.
SEJAHTERA



Jumlah Jabatan / Unit

16 – Tahun 2021
17 – Tahun 2022



Jumlah Kakitangan

1,236 – Tahun 2022
1,243 – Tahun 2023



Jumlah Persijilan

3
[MS ISO 9001:2015, Star
Rating(SPB-PBT) & EKSA]



Jumlah Prosedur Pengurusan

8



Jumlah Prosedur Utama

24 – Tahun 2021
31 – Tahun 2022




Jumlah Prosedur Sokongan

12 – Tahun 2021
15 – Tahun 2022

LATAR BELAKANG

LATAR BELAKANG UNIT AUDIT DALAM



VISI UAD

Menjadi penyumbang utama ke arah kecemerlangan sistem pengurusan operasi dan kewangan Majlis Bandaraya Seremban selaras dengan amalan terbaik di samping meningkatkan kompetensi dalam sektor awam



MISI UAD

Melaksanakan pengauditan secara jujur, amanah dan bebas serta mengemukakan laporan yang seimbang kepada Datuk Bandar Majlis Bandaraya Seremban dan pihak Pengurusan Tertinggi kearah meningkatkan akauntabiliti pengurusan MBS



Jumlah Kakitangan UAD

7


OBJEKTIF UAD

1. Memastikan sistem pengurusan dan kewangan jabatan diuruskan dengan teratur selaras dengan dasar, undang-undang dan prosedur yang ditetapkan.
2. Menambah nilai dan mempertingkatkan tahap operasi organisasi dari segi tahap kesempurnaan, kecekapan dan ekonomi.
3. Mengenalpasti kelemahan dan ketidakpatuhan pihak terbabit serta mengesyorkan langkah-langkah bagi memperbaikinya dalam keadaan dimana tindakan pembetulan adalah diperlukan.

MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN
UNIT AUDIT DALAM

LATAR BELAKANG

CARTA ORGANISASI



**MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN
UNIT AUDIT DALAM**

PROGRAM TERAS UAD

Program Teras Unit Audit Dalam ialah aktiviti yang wajib dijalankan kerana telah diarahkan dalam peraturan mengikut skop masing-masing. Jika mana-mana aktiviti dalam program teras tidak dipenuhi, ianya boleh menjadi kesalahan dan memberi impak besar kepada Majlis Bandaraya Seremban.

MESYUARAT JAWATANKUASA AUDIT (JKA)



Jawatan kuasa Audit (JKA)

- | | |
|--------------------|-------------------|
| 1. JKA Bil. 1/2022 | 25 Mac 2022 |
| 2. JKA Bil. 2/2022 | 23 Jun 2022 |
| 3. JKA Bil. 3/2022 | 19 September 2022 |
| 4. JKA Bil. 4/2022 | 21 Disember 2022 |

PEMERIKSAAN MENGEJUT



Pemeriksaan Mengejut

- | | |
|--------------------------------|----------------------|
| 1. AP 308 & AP 309 Bil. 1/2022 | 1 – 8 Jun 2022 |
| 2. AP 308 & AP 309 Bil. 2/2022 | 5 – 14 Disember 2022 |

AUDIT PERSIJILAN



Audit Persijilan


- | | |
|--|-----------------------|
| 1. Audit MS ISO 9001:2015 oleh UAD MBS | 7 – 17 November 2022 |
| 2. Audit Susulan MS ISO 9001:2015 oleh UAD MBS | 5 – 6 Disember 2022 |
| 3. Audit Persijilan ISO oleh SIRIM | 19 – 20 Disember 2022 |

**MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN
UNIT AUDIT DALAM**

**LAPORAN PEMERIKSAAN MENGEJUT AP 308 SIRI 1/2022
1 JUN 2022 – 8 JUN 2022**

AP 308 & AP 309 PEMERIKSAAN MENGEJUT - Ketua Jabatan hendaklah mengadakan pemeriksaan mengejut secara berkala dan tidak kurang dari sekali dalam tempoh enam (6) bulan, tidak kira bulan apa yang dipilih dan seterusnya sekali lagi dalam tempoh enam (6) bulan dari tarikh terakhir pemeriksaan itu dijalankan.

Unit Audit Dalam (UAD) telah membuat pemeriksaan mengejut AP 308 Siri 1/2022 pada 1 Jun 2022 – 8 Jun 2022. Pemeriksaan dijalankan di jabatan-jabatan dan unit-unit di Wisma Majlis Bandaraya Seremban dan di cawangan Majlis Bandaraya Seremban (Nilai).



Hasil pengauditan, UAD mendapati jabatan dan unit telah melaksanakan pemeriksaan mengejut di jabatan dan unit masing-masing dengan baik. Walaubagaimanapun, hasil lawatan mengejut UAD ke jabatan dan unit, terdapat beberapa penemuan yang boleh dibuat penambahbaikan. Antaranya:

- i. KEW. PA – 7 (Senarai Aset Alih Kerajaan) perlu dikemaskini sekiranya terdapat aset baru atau aset yang dilupuskan atau dikemaskini setahun sekali.
- ii. Sistem eStore jabatan dan unit perlu selari dengan kuantiti fizikal di stor jabatan dan unit.
- iii. Data sewaan *vending machine* di kawasan MBS.



**MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN
UNIT AUDIT DALAM**

**LAPORAN PEMERIKSAAN MENGEJUT AP 308 SIRI 1/2022
1 Jun 2022 – 8 Jun 2022**

Bil.	Penemuan	Tindakan	Status										
1. JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN													
A	<p>FRANKING MACHINE:</p> <p>Semakan mendapati baki pada mesin <i>franking</i> adalah sama dengan Buku Daftar iaitu RM 20,169.40</p>	JKP	MAKLUMAN										
B	<p>AR REGISTER:</p> <p>Baki fizikal <i>AR Register</i> adalah sama dengan Buku Daftar iaitu sebanyak 1,100 keping.</p> <p>No Siri:</p> <p>i) 0880901 - 089000</p> <p>ii) 490002 - 491001</p>	JKP	MAKLUMAN										
C	<p>KAD TOUCH N GO DAN BUKU REKOD PENGGUNAAN:</p> <p>Audit telah membuat pemeriksaan ke atas baki kad Touch n Go dan rekod penggunaanya. Penemuan adalah seperti berikut:</p> <table border="1" style="width: 100%; margin-top: 10px;"> <thead> <tr> <th style="background-color: #FFD700;">Kad</th> <th style="background-color: #FFD700;">Penggunaan</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td style="vertical-align: top;">No.siri kad : 1742301775</td> <td style="vertical-align: top;">Baki penggunaan April 2022: RM 200.19 Baki penggunaan Mei 2022: RM 151.92</td> </tr> <tr> <td colspan="2" style="text-align: center;">Rekod penggunaan teratur dan dikemaskini. Baki kad adalah sama dengan buku rekod.</td> </tr> <tr> <td style="vertical-align: top;">No.siri kad : 0483109732</td> <td style="vertical-align: top;">Baki penggunaan April 2022: RM 405.87 Baki penggunaan Mei 2022: RM 373.40</td> </tr> <tr> <td colspan="2" style="text-align: center;">Rekod penggunaan teratur dan dikemaskini. Baki kad adalah sama dengan buku rekod.</td> </tr> </tbody> </table>	Kad	Penggunaan	No.siri kad : 1742301775	Baki penggunaan April 2022: RM 200.19 Baki penggunaan Mei 2022: RM 151.92	Rekod penggunaan teratur dan dikemaskini. Baki kad adalah sama dengan buku rekod.		No.siri kad : 0483109732	Baki penggunaan April 2022: RM 405.87 Baki penggunaan Mei 2022: RM 373.40	Rekod penggunaan teratur dan dikemaskini. Baki kad adalah sama dengan buku rekod.		JKP	MAKLUMAN
Kad	Penggunaan												
No.siri kad : 1742301775	Baki penggunaan April 2022: RM 200.19 Baki penggunaan Mei 2022: RM 151.92												
Rekod penggunaan teratur dan dikemaskini. Baki kad adalah sama dengan buku rekod.													
No.siri kad : 0483109732	Baki penggunaan April 2022: RM 405.87 Baki penggunaan Mei 2022: RM 373.40												
Rekod penggunaan teratur dan dikemaskini. Baki kad adalah sama dengan buku rekod.													

**MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN
UNIT AUDIT DALAM**

**LAPORAN PEMERIKSAAN MENGEJUT AP 308 SIRI 1/2022
1 Jun 2022 – 8 Jun 2022**

Bil.	Penemuan	Tindakan	Status										
D	<p>KAMERA:</p> <p>Semakan mendapati terdapat 5 unit kamera digunakan oleh jabatan. Kesemua aset berada dalam keadaan baik dan disimpan didalam almari berkunci. Senarai aset adalah seperti dibawah:-</p> <table border="1" style="margin-left: auto; margin-right: auto;"> <thead> <tr> <th style="background-color: #FFD700;">JENIS</th> <th style="background-color: #FFD700;">UNIT</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Kamera DSLR Canon</td> <td style="text-align: center;">1</td> </tr> <tr> <td>Kamera Canon Ixus 5115 Hs</td> <td style="text-align: center;">2</td> </tr> <tr> <td>Video Recorder</td> <td style="text-align: center;">1</td> </tr> <tr> <td>Kamera Canon A430</td> <td style="text-align: center;">1</td> </tr> </tbody> </table>	JENIS	UNIT	Kamera DSLR Canon	1	Kamera Canon Ixus 5115 Hs	2	Video Recorder	1	Kamera Canon A430	1	JKP	MAKLUMAN
JENIS	UNIT												
Kamera DSLR Canon	1												
Kamera Canon Ixus 5115 Hs	2												
Video Recorder	1												
Kamera Canon A430	1												
2. JABATAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT DAN PELANCONGAN													
A	<p>BEKALAN STOK:</p> <p>Pemerhatian audit mendapati, terdapat stok yang disimpan di stor di Kolam Renang Awam, Paroi bagi tujuan pembersihan kolam. Semasa pemantauan, stor didapati berkunci dan stok disusun kemas mengikut jenis serta ditandakan. Senarai stok adalah seperti berikut :-</p> <table border="1" style="margin-left: auto; margin-right: auto;"> <thead> <tr> <th style="background-color: #FFD700;">Jenis Bahan</th> <th style="background-color: #FFD700;">Kuantiti</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td style="text-align: center;">Klorin</td> <td style="text-align: center;">11 Tong</td> </tr> <tr> <td style="text-align: center;">Bahan Pencuci</td> <td style="text-align: center;">6 Tong</td> </tr> <tr> <td style="text-align: center;">Bahan Kimia</td> <td style="text-align: center;">14 Pek</td> </tr> <tr> <td style="text-align: center;">JUMLAH</td> <td style="text-align: center;">31</td> </tr> </tbody> </table> <div style="display: flex; justify-content: space-around; margin-top: 20px;">   </div>	Jenis Bahan	Kuantiti	Klorin	11 Tong	Bahan Pencuci	6 Tong	Bahan Kimia	14 Pek	JUMLAH	31	JPMP	SELESAI
Jenis Bahan	Kuantiti												
Klorin	11 Tong												
Bahan Pencuci	6 Tong												
Bahan Kimia	14 Pek												
JUMLAH	31												

**MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN
UNIT AUDIT DALAM**

**LAPORAN PEMERIKSAAN MENGEJUT AP 308 SIRI 1/2022
1 Jun 2022 – 8 Jun 2022**

Bil.	Penemuan	Tindakan	Status																														
	<p>Unit Audit telah menyemak sistem eStor jabatan bagi tahun 2022 dan berikut adalah ringkasan pergerakan stok bagi Bekalan Domestik - Barangan Pencucian - Klorin - Serbuk Klorin:-</p> <table border="1" style="margin-left: auto; margin-right: auto;"> <thead> <tr> <th style="background-color: #FFD700;">Terimaan eStor</th> <th style="background-color: #FFD700;">Terimaan (Kuantiti)</th> <th style="background-color: #FFD700;">Keluaran eStor</th> <th style="background-color: #FFD700;">Keluaran (Kuantiti)</th> <th style="background-color: #FFD700;">Baki</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>31.03.22</td> <td>40</td> <td>31.03.22</td> <td>40</td> <td>-</td> </tr> <tr> <td>19.04.22</td> <td>40</td> <td>19.04.22</td> <td>40</td> <td>-</td> </tr> <tr> <td>08.06.22</td> <td>20</td> <td>08.06.22</td> <td>20</td> <td>-</td> </tr> <tr> <td>20.06.22</td> <td>20</td> <td>20.06.22</td> <td>20</td> <td>-</td> </tr> <tr> <td colspan="3"></td> <td style="text-align: center;">JUMLAH</td> <td style="text-align: center;">-</td> </tr> </tbody> </table> <p>Semakan silang bersama rekod eStor mendapati baki pada sistem tidak sama dengan baki fizikal didalam stor. Baki fizikal menunjukkan terdapat baki 31-unit yang masih belum digunakan. Manakala baki pada sistem eStor menunjukkan kesemua bekalan telah digunakan sepenuhnya.</p> <p>Syor Audit: Bagi penggunaan sistem eStor, rekod pengeluaran perlulah mengikut penggunaan. Hanya kuantiti yang dikeluarkan pada hari penggunaan direkodkan pada sistem bagi memastikan baki kuantiti sama dengan baki fizikal. Ini adalah kerana, jabatan mempunyai jadual pembersihan dan boleh merancang pengeluaran stok terlebih dahulu.</p>	Terimaan eStor	Terimaan (Kuantiti)	Keluaran eStor	Keluaran (Kuantiti)	Baki	31.03.22	40	31.03.22	40	-	19.04.22	40	19.04.22	40	-	08.06.22	20	08.06.22	20	-	20.06.22	20	20.06.22	20	-				JUMLAH	-	JPMP	SELESAI
Terimaan eStor	Terimaan (Kuantiti)	Keluaran eStor	Keluaran (Kuantiti)	Baki																													
31.03.22	40	31.03.22	40	-																													
19.04.22	40	19.04.22	40	-																													
08.06.22	20	08.06.22	20	-																													
20.06.22	20	20.06.22	20	-																													
			JUMLAH	-																													

**MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN
UNIT AUDIT DALAM**

**LAPORAN PEMERIKSAAN MENGEJUT AP 308 SIRI 1/2022
1 Jun 2022 – 8 Jun 2022**

Bil.	Penemuan	Tindakan	Status
B	<p>BUKU REKOD MANUAL Pemerhatian audit mendapati tiada penggunaan Buku Daftar Rekod di dalam stor. Buku Daftar bertujuan merekod pergerakan keluar masuk stok, pegawai yang mengeluarkan dan pengesahan pegawai. Pergerakan keluar masuk stok mestilah selari dengan rekod pada sistem eStor. Justeru, pengeluaran stok adalah terkawal dan dapat memastikan baki fizikal sama dengan baki pada sistem utama eStor.</p>	JPMP	SELESAI
C	<p>RESIT KOLAM RENANG: Semakan mendapati baki fizikal buku resit adalah sama dengan baki dalam Buku Daftar Kew.67 dan disimpan dalam di dalam laci berkunci. Penemuan adalah seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> i) Buku Resit Kolam Renang Dewasa - Hari Biasa RM 2.50 No Siri: 018001 - 02000 (20 buah buku) ii) Buku Resit Kolam Renang Dewasa - Hari Cuti RM 3.50 No Siri: 014001 - 015000 (10 buah buku) iii) Buku Resit Kolam Renang Kanak - Hari Biasa RM 1.50 No Siri: 015501 - 020000 (45 buah buku) iv) Buku Resit Kolam Renang Kanak - Hari Cuti RM 2.50 No Siri: 015801 - 020000 (42 buah buku) 	JPMP	MAKLUMAN

**MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN
UNIT AUDIT DALAM**

**LAPORAN PEMERIKSAAN MENGEJUT AP 308 SIRI 1/2022
1 Jun 2022 – 8 Jun 2022**

Bil.	Penemuan	Tindakan	Status
D	<p>KUTIPAN DI KAUNTER: Hasil kutipan di kaunter semasa pengauditan adalah sama dengan penggunaan buku resit yang dikeluarkan berjumlah RM 262.00.</p>	JPMP	MAKLUMAN
E	<p>SENARAI ASET ALIH: Lawatan Unit Audit ke Bilik Pejabat di Komplek Sukan Negeri (KSN), Paroi mendapati Kew-Pa 7 tidak dikemaskini sehingga tahun 2017.</p> <div style="text-align: center;"> </div>	JPMP	SELESAI



**MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN
UNIT AUDIT DALAM**

**LAPORAN PEMERIKSAAN MENGEJUT AP 308 SIRI 1/2022
1 Jun 2022 – 8 Jun 2022**

Bil.	Penemuan	Tindakan	Status																					
F	<p>VENDING MACHINE Lawatan UAD di kawasan fasiliti sukan MBS mendapati terdapat <i>vending machine</i> yang diletakkan di sekitar kawasan fasiliti. Berikut adalah senarai lokasi sewaktu pemerhatian: -</p> <table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <thead> <tr> <th style="text-align: center;">BIL.</th> <th style="text-align: center;">LOKASI PENEMPATAN</th> <th style="text-align: center;">JUMLAH (UNIT)</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td style="text-align: center;">1.</td> <td>Stadium Tuanku Abdul Rahman</td> <td style="text-align: center;">3</td> </tr> <tr> <td style="text-align: center;">2.</td> <td>Komplek Sukan Negeri (KSN), Paroi</td> <td style="text-align: center;">2</td> </tr> <tr> <td style="text-align: center;">3.</td> <td>Kolam Renang Awam, Paroi</td> <td style="text-align: center;">1</td> </tr> <tr> <td style="text-align: center;">4.</td> <td>Stadium Hoki Dato' Haji Mohd Said, Seremban 2</td> <td style="text-align: center;">1</td> </tr> <tr> <td style="text-align: center;">5.</td> <td>Dewan Majlis Bandaraya Seremban</td> <td style="text-align: center;">1</td> </tr> <tr> <td colspan="2" style="text-align: right;">JUMLAH</td> <td style="text-align: center;">8</td> </tr> </tbody> </table> <p>Walaupun bagaimanapun, semakan mendapati tiada data bagi sewaan tapak ataupun permohonan lesen bagi penempatan <i>vending machine</i> di kawasan / premis MBS. UAD telah menyediakan Laporan Analisis seperti di Lampiran A bagi isu tersebut.</p>	BIL.	LOKASI PENEMPATAN	JUMLAH (UNIT)	1.	Stadium Tuanku Abdul Rahman	3	2.	Komplek Sukan Negeri (KSN), Paroi	2	3.	Kolam Renang Awam, Paroi	1	4.	Stadium Hoki Dato' Haji Mohd Said, Seremban 2	1	5.	Dewan Majlis Bandaraya Seremban	1	JUMLAH		8	JPMP	SELESAI
BIL.	LOKASI PENEMPATAN	JUMLAH (UNIT)																						
1.	Stadium Tuanku Abdul Rahman	3																						
2.	Komplek Sukan Negeri (KSN), Paroi	2																						
3.	Kolam Renang Awam, Paroi	1																						
4.	Stadium Hoki Dato' Haji Mohd Said, Seremban 2	1																						
5.	Dewan Majlis Bandaraya Seremban	1																						
JUMLAH		8																						
3. JABATAN PENILAIAN DAN PENGURUSAN HARTA																								
A	<p>KUTIPAN HASIL: Semakan audit pada Laporan Kutipan Hasil bagi sesi pagi adalah sama dengan kutipan fizikal yang merangkumi: Tunai - RM 1,743.00 Pas Bulanan - RM 100</p> <p>Semakan telah dibuat pada buku resit seperti berikut: RM 1 - Parkir bagi motorsikal RM 2 - Parkir bagi kereta RM 5 - Parkir bagi bas ekspres dan kenderaan barangan</p>	JPPH	MAKLUMAN																					

~ Laporan Tamat ~

SENARAI VENDING MESIN DI KAWASAN PREMIS MBS

BIL	LOKASI	KADAR LESEN (TAPAK)	TEMPOH (2020 – 2022)	JUMLAH	ANGGARAN PENGGUNAAN ELEKTRIK SETAHUN
1.	STADIUM HOKI DATO' HJ MOHD SAID SEREMBAN 2 CAN & BOTTLE BEVERAGE - 30 SLOT 	RM 100 (RM 100 X 3) = RM 300	3 TAHUN	RM 300	210 kWh, sebulan / 288W Pengiraan penggunaan Elektrik: <i>Can Vending Machine: 1 x 288w x 24Jam=6,912Wh=7.00 kWh</i> Penggunaan sebulan: 7.00 kWh x 30 hari = 210 kWh Pengiraan kWh: 1. 200 kWh pertama (1 - 200 kWh) = (200 *43.5)/100 = RM 87 2. 100 kWh seterusnya (201 – 300 kWh) = (10*50.90) / 100 = RM 5.09 Penggunaan Elektrik Sebulan: RM 87 + RM 5.09 = RM 92.09 Penggunaan Elektrik Setahun: RM 92.09 X 12 = RM <u>1,105.08</u>
2.	DEWAN MBS CAN & BOTTLE BEVERAGE - 36 SLOT 	RM 100 (RM 100 X 3) = RM 300	3 TAHUN	RM 300	Penggunaan Elektrik Setahun: RM 92.09 X 12 = RM <u>1,105.08</u>

SENARAI VENDING MESIN DI KAWASAN PREMIS MBS

BIL	LOKASI	KADAR LESEN (TAPAK)	TEMPOH (2020 – 2022)	JUMLAH	ANGGARAN PENGGUNAAN ELEKTRIK SETAHUN
3.	<p>KOMPLEKS SUKAN NEGERI – KSN PAROI (Centre Court)</p> <p><i>(2 unit vending machine)</i></p> <p>i) <i>CAN & BOTTLE BEVERAGE - 30 SLOT</i></p> 	<p>RM 100</p> <p>(RM 100 X 3) = RM300</p>	3 TAHUN	RM 300	Penggunaan Elektrik Setahun: RM92.09 X 12 = RM <u>1,105.08</u>
	<p>ii) <i>MACHINE NO: IESA192M CAN & BOTTLE BEVERAGE - 36 SLOT</i></p> 	RM 100	3 TAHUN	RM 300	Penggunaan Elektrik Setahun: RM92.09 X 12 = RM <u>1,105.08</u>

SENARAI VENDING MESIN DI KAWASAN PREMIS MBS

BIL	LOKASI	KADAR LESEN (TAPAK)	TEMPOH (2020 – 2022)	JUMLAH	ANGGARAN PENGGUNAAN ELEKTRIK SETAHUN
4.	STADIUM TUANKU ABDUL RAHMAN PAROI <i>(3 unit vending machine)</i>				
	i) MESIN NO: 4IESA099M <i>CAN & BOTTLE BEVERAGE</i> - 36 SLOT	RM 100 (RM 100 X 3) = RM300	3 TAHUN	RM 300	Penggunaan Elektrik Setahun: RM92.09 X 12 = RM <u>1,105.08</u>
					
	ii) MESIN NO: 4IESA075M <i>CAN & BOTTLE BEVERAGE</i> - 36 SLOT	RM 300 (RM 100 X 3) =RM 300	3 TAHUN	RM 300	Penggunaan Elektrik Setahun: RM92.09 X 12 = RM <u>1,105.08</u>
					

SENARAI VENDING MESIN DI KAWASAN PREMIS MBS

BIL	LOKASI	KADAR LESEN (TAPAK)	TEMPOH (2020 – 2022)	JUMLAH	ANGGARAN PENGGUNAAN ELEKTRIK SETAHUN
4.	STADIUM TUANKU ABDUL RAHMAN PAROI iii) <i>CAN & BOTTLE BEVERAGE</i> - 30 slot 	RM 100 (RM 100 X 3) = RM 300	3 TAHUN	RM 300	Penggunaan Elektrik Setahun : $RM92.09 \times 12 = RM$ <u>1,105.08</u>
5.	KOLAM RENANG AWAM, PAROI <i>CAN & BOTTLE BEVERAGE</i> - 24 slot 	RM 100 (RM 100 X 3) = RM 300	3 TAHUN	RM 300	Penggunaan Elektrik Setahun : $RM92.09 \times 12 = RM$ <u>1,105.08</u>

SENARAI VENDING MESIN DI KAWASAN PREMIS MBS**RUMUSAN AUDIT:****JUMLAH KESELURUHAN VENDING MACHINE: 8 UNIT****JUMLAH KESELURUHAN KADAR LESEN(TAPAK):****8 UNIT X RM 100/ SETAHUN = RM 800****KADAR LESEN UNTUK TEMPOH 3 TAHUN: RM 800 X 3 = RM2,400****Ketirisan hasil sebanyak **RM 2,400** kerana tidak dapat mengutip bayaran lesen/permit.****PENGGUNAAN ELEKTRIK SETAHUN:****RM 92.09 X 12 = RM 1,105.08****PENGGUNAAN ELEKTRIK UNTUK TEMPOH 3 TAHUN: RM 1,105.08 X 3 = RM 3,315.24****Kerugian Majlis sebanyak **RM3,315.24** bagi bayaran bil elektrik untuk tempoh yang lama.**

Rujukan		
UUK Tred, Perniagaan, dan Perindustrian (Majlis Perbandaran Seremban) 1996.		
<u>Kategori E - Lain-lain</u>		
1.	Saiz kurang dari 750 k.p	RM100
2.	Saiz lebih dari 750 k.p	RM200

TARIFF B - LOW VOLTAGE COMMERCIAL TARIFF	
For the first 200 kWh (1 -200 kWh) per month	43.5 sen/kWh
For the next kWh (201 kWh onwards) per month	50.9 sen/kWh

Pengiraan	
Can Vending Machine :	
Penggunaan sehari:	
1 x 288w x 24 Jam =6,912Wh	
= 7.00 kWh	
Penggunaan sebulan:	
7.00 kWh x 30 hari	
= 210 kWh	
Pengiraan kWh:	
200 kWh pertama	
(1 - 200 kWh) = (200 *43.5)/100	
= RM 87	
100 kWh seterusnya	
(201 – 300kWh)	
= (10*50.90)/100	
Penggunaan Elektrik Sebulan :	
RM87 + RM5.09	
= RM92.09	
Penggunaan Elektrik Setahun :	
RM92.09 X 12	
= RM1,105.08	

Anggaran Pengiraan Dari Tahun 2015 Ke Tahun 2022

	2015	2016	2017	2018	2019	2020	2021	2022	
Kadar Lesen	RM100.00	RM100.00	RM100.00	RM100.00	RM100.00	RM100.00	RM100.00	RM100.00	
Hasil Patut Majlis Dapat	RM100.00	RM200.00	RM300.00	RM400.00	RM500.00	RM600.00	RM700.00	RM800.00	RM3,600.00
JUMLAH MESIN	8	8	8	8	8	8	8	8	
	X	X	X	X	X	X	X	X	
Penggunaan Elektrik (TNB)	RM1,105.08	RM1,105.08	RM1,105.08	RM1,105.08	RM1,105.08	RM1,105.08	RM1,105.08	RM1,105.08	
<i>Jumlah</i>	RM8,840.64	RM8,840.64	RM8,840.64	RM8,840.64	RM8,840.64	RM8,840.64	RM8,840.64	RM8,840.64	RM70,725.12
									RM74,325.12

~ Laporan Tamat ~

**MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN
UNIT AUDIT DALAM**

**LAPORAN PEMERIKSAAN MENGEJUT BIL. 2/2022, AP 308 & AP 309
5 DISEMBER 2022 – 14 DISEMBER 2022**

Bil.	Penemuan	Tindakan	Status				
1.	JABATAN KAWALAN BANGUNAN						
A	<p>BUKU PELAN STANDARD - RM 250</p> <p>Semakan mendapati baki fizikal buku adalah sama dengan baki pada Buku Daftar Kew. 67 sebanyak 799 unit. No Siri: 201 - 999</p> <p>Semakan pada tahun keluaran buku pelan adalah pada tahun 2000. Manakala jualan terakhir buku pelan adalah pada 2 September 2021</p> <p>Syor Audit: Jika tiada keperluan atau penggunaan lagi pada buku pelan, disyorkan jabatan untuk mengambil tindakan pelupusan.</p>	JKB	SELESAI				
B	<p>BUKU LOG KENDERAAN:</p> <p>Audit telah membuat pemeriksaan ke atas buku log kenderaan jabatan. Penemuan adalah seperti berikut:</p> <table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <thead> <tr> <th style="width: 20%;">Nombor Kenderaan</th> <th>Penemuan</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td style="text-align: center;">NCP 9057</td> <td>Buku log telah lengkap dikemaskini. Walaubagaimanapun, cerakan bulan November 2022 masih belum dihantar ke Unit Bengkel</td> </tr> </tbody> </table> <p>Semasa pemeriksaan audit dilaksanakan, terdapat satu unit kenderaan yang sedang digunakan, walaubagaimanapun ketiga - tiga buku log berada dalam simpanan Pegawai Kenderaan di pejabat. Pemandu perlulah memastikan buku log kenderaan sentiasa berada dalam simpanan pemandu sewaktu kenderaan digunakan agar penggunaan buku sentiasa dikemaskini.</p>	Nombor Kenderaan	Penemuan	NCP 9057	Buku log telah lengkap dikemaskini. Walaubagaimanapun, cerakan bulan November 2022 masih belum dihantar ke Unit Bengkel	JKB	SELESAI
Nombor Kenderaan	Penemuan						
NCP 9057	Buku log telah lengkap dikemaskini. Walaubagaimanapun, cerakan bulan November 2022 masih belum dihantar ke Unit Bengkel						

**MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN
UNIT AUDIT DALAM**

**LAPORAN PEMERIKSAAN MENGEJUT BIL. 2/2022, AP 308 & AP 309
5 DISEMBER 2022 – 14 DISEMBER 2022**

Bil.	Penemuan	Tindakan	Status																																																							
C	<p>KAMERA DAN LASER</p> <p>Semakan mendapati terdapat 3 unit kamera dan 3 unit laser digunakan oleh jabatan. Kesemua aset disimpan didalam almari berkunci. Senarai aset adalah seperti dibawah: -</p> <table border="1"> <thead> <tr> <th>JENIS</th> <th>UNIT</th> <th>STATUS</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Kamera Canon lyus</td> <td>1</td> <td>Aset berada dalam keadaan baik walaubagaimanapun tiada sim kad</td> </tr> <tr> <td>Kamera Sony DSC-W-830</td> <td>1</td> <td>Aset berada dalam keadaan baik</td> </tr> <tr> <td>Kamera Canon EOS 6000</td> <td>1</td> <td>Aset berada dalam keadaan baik</td> </tr> <tr> <td>Lieca Disto D2</td> <td>1</td> <td>Aset berada dalam keadaan baik</td> </tr> <tr> <td>Lieca Disto D5</td> <td>1</td> <td>Aset berada dalam keadaan baik</td> </tr> <tr> <td>Lieca Disto D5</td> <td>1</td> <td>Aset berada dalam keadaan baik</td> </tr> </tbody> </table>	JENIS	UNIT	STATUS	Kamera Canon lyus	1	Aset berada dalam keadaan baik walaubagaimanapun tiada sim kad	Kamera Sony DSC-W-830	1	Aset berada dalam keadaan baik	Kamera Canon EOS 6000	1	Aset berada dalam keadaan baik	Lieca Disto D2	1	Aset berada dalam keadaan baik	Lieca Disto D5	1	Aset berada dalam keadaan baik	Lieca Disto D5	1	Aset berada dalam keadaan baik	JKB	SELESAI																																		
JENIS	UNIT	STATUS																																																								
Kamera Canon lyus	1	Aset berada dalam keadaan baik walaubagaimanapun tiada sim kad																																																								
Kamera Sony DSC-W-830	1	Aset berada dalam keadaan baik																																																								
Kamera Canon EOS 6000	1	Aset berada dalam keadaan baik																																																								
Lieca Disto D2	1	Aset berada dalam keadaan baik																																																								
Lieca Disto D5	1	Aset berada dalam keadaan baik																																																								
Lieca Disto D5	1	Aset berada dalam keadaan baik																																																								
D	<p>BAKI STOK SEMASA</p> <p>Semakan audit mendapati terdapat perbezaan pada baki fizikal stok di jabatan dan baki pada sistem eStor. Penemuan adalah seperti berikut :-</p> <table border="1"> <thead> <tr> <th>Bil.</th> <th>Stok</th> <th>Baki Fizikal</th> <th>Baki Sistem e-stor</th> <th>Perbezaan</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>1</td> <td>Kertas A4 (Putih) 80 gsm</td> <td>10</td> <td>0</td> <td>10</td> </tr> <tr> <td>2</td> <td>Kertas A4 (Pink) CS170</td> <td>2</td> <td>4</td> <td>-2</td> </tr> <tr> <td>3</td> <td>HP 78 (C6578DA) Color</td> <td>1</td> <td>1</td> <td>0</td> </tr> <tr> <td>4</td> <td>HP CE278A (78A)</td> <td>1</td> <td>0</td> <td>1</td> </tr> <tr> <td>5</td> <td>HP Q5949A (49A)</td> <td>3</td> <td>4</td> <td>-1</td> </tr> <tr> <td>6</td> <td>HP CE505A (05A)</td> <td>4</td> <td>4</td> <td>0</td> </tr> <tr> <td>7</td> <td>Canon Pixma 751 Yellow</td> <td>3</td> <td>0</td> <td>3</td> </tr> <tr> <td>8</td> <td>Canon 751 Yellow</td> <td>6</td> <td>6</td> <td>0</td> </tr> <tr> <td>9</td> <td>Epson 673 Yellow</td> <td>5</td> <td>5</td> <td>0</td> </tr> <tr> <td>10</td> <td>Epson 673 Magenta</td> <td>5</td> <td>5</td> <td>0</td> </tr> </tbody> </table> <p>Pegawai Stor yang dilantik perlulah sentiasa mengemaskini pergerakan stok di jabatan bagi memastikan paras stok sentiasa terkawal. Semakan secara berkala pada stok sediada dapat mengurangkan risiko kehilangan atau salah guna pada stok sediada.</p>	Bil.	Stok	Baki Fizikal	Baki Sistem e-stor	Perbezaan	1	Kertas A4 (Putih) 80 gsm	10	0	10	2	Kertas A4 (Pink) CS170	2	4	-2	3	HP 78 (C6578DA) Color	1	1	0	4	HP CE278A (78A)	1	0	1	5	HP Q5949A (49A)	3	4	-1	6	HP CE505A (05A)	4	4	0	7	Canon Pixma 751 Yellow	3	0	3	8	Canon 751 Yellow	6	6	0	9	Epson 673 Yellow	5	5	0	10	Epson 673 Magenta	5	5	0	JKB	SELESAI
Bil.	Stok	Baki Fizikal	Baki Sistem e-stor	Perbezaan																																																						
1	Kertas A4 (Putih) 80 gsm	10	0	10																																																						
2	Kertas A4 (Pink) CS170	2	4	-2																																																						
3	HP 78 (C6578DA) Color	1	1	0																																																						
4	HP CE278A (78A)	1	0	1																																																						
5	HP Q5949A (49A)	3	4	-1																																																						
6	HP CE505A (05A)	4	4	0																																																						
7	Canon Pixma 751 Yellow	3	0	3																																																						
8	Canon 751 Yellow	6	6	0																																																						
9	Epson 673 Yellow	5	5	0																																																						
10	Epson 673 Magenta	5	5	0																																																						

**MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN
UNIT AUDIT DALAM**

**LAPORAN PEMERIKSAAN MENGEJUT BIL. 2/2022, AP 308 & AP 309
5 DISEMBER 2022 – 14 DISEMBER 2022**

Bil.	Penemuan	Tindakan	Status						
E	<p>SENARAI ASET ALIH (KEW. PA-7):</p> <p>Semakan audit mendapati, tiada KEW. PA-7 dipamerkan dalam kawasan jabatan. Oleh yang demikian, semakan pada aset alih di lokasi bersamaan KEW. PA-7 tidak dapat dibuat.</p> <p>Mohon jabatan untuk mengemaskini dan mempamerkan KEW. PA-7 di lokasi - lokasi penempatan aset alih di jabatan. Pengemaskinian senarai aset alih di jabatan dapat membantu Unit Aset MBS dalam mengenalpasti mana - mana aset yang masih belum didaftarkan.</p>	JKB	SELESAI						
2. JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN									
A	<p>FRANKING MACHINE:</p> <p>Semakan audit mendapati terdapat perbezaan pada baki mesin franking dan Buku Daftar mesin franking seperti di bawah:</p> <table border="1" style="margin-left: auto; margin-right: auto;"> <thead> <tr> <th style="text-align: center;">Baki Mesin Franking</th> <th style="text-align: center;">Baki Buku Daftar</th> <th style="text-align: center;">Perbezaan</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td style="text-align: center;">2,188.60</td> <td style="text-align: center;">62,188.60</td> <td style="text-align: center;">40,000.00</td> </tr> </tbody> </table> <p>Perbezaan pada baki mesin dan Buku Daftar adalah disebabkan pihak Pos Malaysia telah memproses tambah nilai berlebihan sebanyak RM 40,000 ke dalam mesin franking NC070200255 pada 22 November 2022. Oleh hal demikian, pihak Pos Malaysia memohon pihak Majlis untuk membuat perlarasan mengikut prosedur yang telah ditetapkan. Mohon jabatan kemukakan status terkini di jabatan.</p>	Baki Mesin Franking	Baki Buku Daftar	Perbezaan	2,188.60	62,188.60	40,000.00	JKP	SELESAI
Baki Mesin Franking	Baki Buku Daftar	Perbezaan							
2,188.60	62,188.60	40,000.00							

**MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN
UNIT AUDIT DALAM**

**LAPORAN PEMERIKSAAN MENGEJUT BIL. 2/2022, AP 308 & AP 309
5 DISEMBER 2022 – 14 DISEMBER 2022**

Bil.	Penemuan	Tindakan	Status																					
B	<p>BUKU LOG KENDERAAN Audit telah membuat pemeriksaan ke atas buku log kenderaan jabatan. Penemuan adalah seperti berikut:</p> <table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <thead> <tr> <th style="width: 20%;">Nombor Kenderaan</th> <th>Penemuan</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td style="text-align: center;">NCV 9462</td> <td>Buku log telah lengkap dikemaskini dari November sehingga 3 Disember 2022. Walaubagaimanapun, hanya cerakinan bagi bulan Oktober telah dihantar ke Unit Bengkel, manakala bagi bulan November masih menunggu Penyata <i>Smart Pay</i> sebelum dihantar ke Unit Bengkel.</td> </tr> </tbody> </table>	Nombor Kenderaan	Penemuan	NCV 9462	Buku log telah lengkap dikemaskini dari November sehingga 3 Disember 2022. Walaubagaimanapun, hanya cerakinan bagi bulan Oktober telah dihantar ke Unit Bengkel, manakala bagi bulan November masih menunggu Penyata <i>Smart Pay</i> sebelum dihantar ke Unit Bengkel.	JKP	SELESAI																	
Nombor Kenderaan	Penemuan																							
NCV 9462	Buku log telah lengkap dikemaskini dari November sehingga 3 Disember 2022. Walaubagaimanapun, hanya cerakinan bagi bulan Oktober telah dihantar ke Unit Bengkel, manakala bagi bulan November masih menunggu Penyata <i>Smart Pay</i> sebelum dihantar ke Unit Bengkel.																							
C	<p>SENARAI ASET ALIH (KEW. PA-7): Hasil semakan di lokasi, pihak audit mendapati masih terdapat KEW. PA-7 yang tidak disediakan dan dipamerkan. Mohon jabatan mengemaskini KEW. PA-7 dan mempamerkan di lokasi bawah jagaan jabatan. Berikut adalah senarai lokasi yang disemak dan penemuan audit.</p> <table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <thead> <tr> <th style="width: 5%;">Bil.</th> <th style="width: 25%;">Lokasi</th> <th>Penemuan Audit</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td style="text-align: center;">1</td> <td>Ruang Kerja JKP 1 (Azian)</td> <td>Kew.Pa-7 telah dipamerkan dan aset alih di lokasi bersamaan dengan Kew.Pa 7 yang dipamerkan.</td> </tr> <tr> <td style="text-align: center;">2</td> <td>Bilik Fail JKP 1</td> <td>Kew.Pa-7 telah dipamerkan dan aset alih di lokasi bersamaan dengan Kew.Pa 7 yang dipamerkan.</td> </tr> <tr> <td style="text-align: center;">3</td> <td>Ruang Datuk Dagang Labu</td> <td>Tiada Kew.Pa-7 dipamerkan</td> </tr> <tr> <td style="text-align: center;">4</td> <td>Bilik Waris Klana Di Hilir</td> <td>Tiada Kew.Pa-7 dipamerkan</td> </tr> <tr> <td style="text-align: center;">5</td> <td>Bilik Waris Klana Di Hulu</td> <td>Tiada Kew.Pa-7 dipamerkan</td> </tr> <tr> <td style="text-align: center;">6</td> <td>Bilik Dato' Shahbandar</td> <td>Kew.Pa-7 tidak dikemaskini mengikut jumlah sebenar aset alih yang berada di lokasi.</td> </tr> </tbody> </table> <p>Mohon jabatan untuk mengemaskini KEW. PA-7 bagi semua penempatan aset alih di jabatan. Pengemaskinian aset alih dapat mengenalpasti mana - mana aset alih yang masih belum didaftarkan.</p>	Bil.	Lokasi	Penemuan Audit	1	Ruang Kerja JKP 1 (Azian)	Kew.Pa-7 telah dipamerkan dan aset alih di lokasi bersamaan dengan Kew.Pa 7 yang dipamerkan.	2	Bilik Fail JKP 1	Kew.Pa-7 telah dipamerkan dan aset alih di lokasi bersamaan dengan Kew.Pa 7 yang dipamerkan.	3	Ruang Datuk Dagang Labu	Tiada Kew.Pa-7 dipamerkan	4	Bilik Waris Klana Di Hilir	Tiada Kew.Pa-7 dipamerkan	5	Bilik Waris Klana Di Hulu	Tiada Kew.Pa-7 dipamerkan	6	Bilik Dato' Shahbandar	Kew.Pa-7 tidak dikemaskini mengikut jumlah sebenar aset alih yang berada di lokasi.	JKP	SELESAI
Bil.	Lokasi	Penemuan Audit																						
1	Ruang Kerja JKP 1 (Azian)	Kew.Pa-7 telah dipamerkan dan aset alih di lokasi bersamaan dengan Kew.Pa 7 yang dipamerkan.																						
2	Bilik Fail JKP 1	Kew.Pa-7 telah dipamerkan dan aset alih di lokasi bersamaan dengan Kew.Pa 7 yang dipamerkan.																						
3	Ruang Datuk Dagang Labu	Tiada Kew.Pa-7 dipamerkan																						
4	Bilik Waris Klana Di Hilir	Tiada Kew.Pa-7 dipamerkan																						
5	Bilik Waris Klana Di Hulu	Tiada Kew.Pa-7 dipamerkan																						
6	Bilik Dato' Shahbandar	Kew.Pa-7 tidak dikemaskini mengikut jumlah sebenar aset alih yang berada di lokasi.																						

**MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN
UNIT AUDIT DALAM**

**LAPORAN PEMERIKSAAN MENGEJUT BIL. 2/2022, AP 308 & AP 309
5 DISEMBER 2022 – 14 DISEMBER 2022**

Bil.	Penemuan	Tindakan	Status																																																		
D	<p>BAKI STOK SEMASA: Semakan audit mendapati terdapat perbezaan pada baki fizikal stok di jabatan dan baki pada sistem eStor. Penemuan adalah seperti berikut: -</p> <table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <thead> <tr> <th>Bil.</th> <th>Stok</th> <th>Baki Fizikal</th> <th>Baki Sistem e-stor</th> <th>Perbezaan</th> </tr> </thead> <tbody> <tr><td>1</td><td>Bateri 3A</td><td style="text-align: center;">15</td><td style="text-align: center;">16</td><td style="text-align: center;">-1</td></tr> <tr><td>2</td><td>2D Ring File White</td><td style="text-align: center;">0</td><td style="text-align: center;">1</td><td style="text-align: center;">-1</td></tr> <tr><td>3</td><td>Dawai Kokot Kecil</td><td style="text-align: center;">9</td><td style="text-align: center;">15</td><td style="text-align: center;">-6</td></tr> <tr><td>4</td><td>Air Freshner Spary</td><td style="text-align: center;">0</td><td style="text-align: center;">20</td><td style="text-align: center;">-20</td></tr> <tr><td>5</td><td>HP 35A (CB435A)</td><td style="text-align: center;">0</td><td style="text-align: center;">1</td><td style="text-align: center;">-1</td></tr> <tr><td>6</td><td>Canon Pixma 750 PGBK (B)</td><td style="text-align: center;">0</td><td style="text-align: center;">2</td><td style="text-align: center;">-2</td></tr> <tr><td>7</td><td>Comb Binding Saiz 12mm</td><td style="text-align: center;">90</td><td style="text-align: center;">100</td><td style="text-align: center;">-10</td></tr> <tr><td>8</td><td>Kertas A4 Kuning</td><td style="text-align: center;">4</td><td style="text-align: center;">4</td><td style="text-align: center;">0</td></tr> <tr><td>9</td><td>Kertas A4 (Putih) 80 Gsm</td><td style="text-align: center;">16</td><td style="text-align: center;">67</td><td style="text-align: center;">-51</td></tr> </tbody> </table> <p>Pegawai Stor yang dilantik perlulah sentiasa mengemaskini pergerakan stok di jabatan bagi memastikan paras stok sentiasa terkawal. Semakan secara berkala pada stok sediaada dapat mengurangkan risiko kehilangan atau salahguna pada stok sediaada.</p>	Bil.	Stok	Baki Fizikal	Baki Sistem e-stor	Perbezaan	1	Bateri 3A	15	16	-1	2	2D Ring File White	0	1	-1	3	Dawai Kokot Kecil	9	15	-6	4	Air Freshner Spary	0	20	-20	5	HP 35A (CB435A)	0	1	-1	6	Canon Pixma 750 PGBK (B)	0	2	-2	7	Comb Binding Saiz 12mm	90	100	-10	8	Kertas A4 Kuning	4	4	0	9	Kertas A4 (Putih) 80 Gsm	16	67	-51	JKP	SELESAI
Bil.	Stok	Baki Fizikal	Baki Sistem e-stor	Perbezaan																																																	
1	Bateri 3A	15	16	-1																																																	
2	2D Ring File White	0	1	-1																																																	
3	Dawai Kokot Kecil	9	15	-6																																																	
4	Air Freshner Spary	0	20	-20																																																	
5	HP 35A (CB435A)	0	1	-1																																																	
6	Canon Pixma 750 PGBK (B)	0	2	-2																																																	
7	Comb Binding Saiz 12mm	90	100	-10																																																	
8	Kertas A4 Kuning	4	4	0																																																	
9	Kertas A4 (Putih) 80 Gsm	16	67	-51																																																	
E	<p>KAMERA: Semakan mendapati terdapat 5 unit kamera digunakan oleh jabatan. Kesemua aset disimpan di dalam almari berkunci. Senarai aset dan status adalah seperti di bawah: -</p> <table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <thead> <tr> <th>Jenis</th> <th>Unit</th> <th>Status</th> </tr> </thead> <tbody> <tr><td>Kamera DSLR Canon</td><td style="text-align: center;">1</td><td>Aset berada dalam keadaan baik</td></tr> <tr><td>Kamera Canon Ixus 5115 Hs</td><td style="text-align: center;">2</td><td>Rosak. Disyorkan untuk pelupusan</td></tr> <tr><td>Video Recorder</td><td style="text-align: center;">1</td><td>Aset berada dalam keadaan baik</td></tr> <tr><td>Kamera Canon A430</td><td style="text-align: center;">1</td><td>Rosak. Disyorkan untuk pelupusan</td></tr> </tbody> </table> <p>Mohon jabatan untuk mengambil tindakan pelupusan mengikut tatacara yang ditetapkan bagi aset yang tidak boleh digunakan lagi.</p>	Jenis	Unit	Status	Kamera DSLR Canon	1	Aset berada dalam keadaan baik	Kamera Canon Ixus 5115 Hs	2	Rosak. Disyorkan untuk pelupusan	Video Recorder	1	Aset berada dalam keadaan baik	Kamera Canon A430	1	Rosak. Disyorkan untuk pelupusan	JKP	SELESAI																																			
Jenis	Unit	Status																																																			
Kamera DSLR Canon	1	Aset berada dalam keadaan baik																																																			
Kamera Canon Ixus 5115 Hs	2	Rosak. Disyorkan untuk pelupusan																																																			
Video Recorder	1	Aset berada dalam keadaan baik																																																			
Kamera Canon A430	1	Rosak. Disyorkan untuk pelupusan																																																			

**MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN
UNIT AUDIT DALAM**

**LAPORAN PEMERIKSAAN MENGEJUT BIL. 2/2022, AP 308 & AP 309
5 DISEMBER 2022 – 14 DISEMBER 2022**

Bil.	Penemuan	Tindakan	Status																																								
3	JABATAN PERANCANG PEMBANGUNAN																																										
A	<p>BUKU LOG KENDERAAN Audit telah membuat pemeriksaan ke atas buku log kenderaan jabatan. Penemuan adalah seperti berikut:</p> <table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <thead> <tr> <th style="width: 20%;">Nombor Kenderaan</th> <th>Penemuan</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td style="text-align: center;">NDQ 1022</td> <td>Buku log telah lengkap dikemaskini dari November sehingga 7 Disember 2022. Walaubagaimanapun, cerakinan bagi bulan November masih belum dihantar ke Unit Bengkel.</td> </tr> </tbody> </table>	Nombor Kenderaan	Penemuan	NDQ 1022	Buku log telah lengkap dikemaskini dari November sehingga 7 Disember 2022. Walaubagaimanapun, cerakinan bagi bulan November masih belum dihantar ke Unit Bengkel.	JPP	SELESAI																																				
Nombor Kenderaan	Penemuan																																										
NDQ 1022	Buku log telah lengkap dikemaskini dari November sehingga 7 Disember 2022. Walaubagaimanapun, cerakinan bagi bulan November masih belum dihantar ke Unit Bengkel.																																										
	<p>UAD merujuk SOP Semak Draf kontrak yang digunakan oleh JUUP. JUUP meletakkan tempoh semakan draf adalah tidak melebihi 14 hari bermula dari tarikh permohonan semak draf dari jabatan / unit sehingga tarikh balasan oleh JUUP.</p> <p>Walaupun bagaimanapun, terdapat 22 draf kontrak yang telah disemak melebihi 14 hari seperti berikut:</p> <table border="1" style="margin-left: 40px;"> <tbody> <tr> <td>14 hari keatas</td> <td>22</td> </tr> <tr> <td>14-30 hari</td> <td>6</td> </tr> <tr> <td>30-40 hari</td> <td>2</td> </tr> <tr> <td>40-50 hari</td> <td>1</td> </tr> <tr> <td>50-60 hari</td> <td>2</td> </tr> <tr> <td>60-70 hari</td> <td>2</td> </tr> <tr> <td>70-80 hari</td> <td>2</td> </tr> <tr> <td>80-90 hari</td> <td>1</td> </tr> <tr> <td>90-100 hari</td> <td>0</td> </tr> <tr> <td>100-110 hari</td> <td>0</td> </tr> <tr> <td>110-120 hari</td> <td>0</td> </tr> <tr> <td>120-130 hari</td> <td>0</td> </tr> <tr> <td>130-140 hari</td> <td>2</td> </tr> <tr> <td>140-150 hari</td> <td>2</td> </tr> <tr> <td>150-160 hari</td> <td>2</td> </tr> </tbody> </table> <p>Sila beri justifikasi kejadian yang berlaku</p>	14 hari keatas	22	14-30 hari	6	30-40 hari	2	40-50 hari	1	50-60 hari	2	60-70 hari	2	70-80 hari	2	80-90 hari	1	90-100 hari	0	100-110 hari	0	110-120 hari	0	120-130 hari	0	130-140 hari	2	140-150 hari	2	150-160 hari	2	
14 hari keatas	22																															
14-30 hari	6																															
30-40 hari	2																															
40-50 hari	1																															
50-60 hari	2																															
60-70 hari	2																															
70-80 hari	2																															
80-90 hari	1																															
90-100 hari	0																															
100-110 hari	0																															
110-120 hari	0																															
120-130 hari	0																															
130-140 hari	2																															
140-150 hari	2																															
150-160 hari	2																															

~Laporan tamat~

**MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN
UNIT AUDIT DALAM**

**PENGAUDITAN PENGURUSAN PEMBANGUNAN HARTANAH KERAJAAN OLEH
AGENSI NEGERI, JABATAN AUDIT NEGARA
4 Julai 2022**

LATAR BELAKANG:

Majlis Bandaraya Seremban telah menerima kunjungan daripada Jabatan Audit Negara N. Sembilan bagi Pengauditan Pengurusan Pembangunan Hartanah Kerajaan Majlis Bandaraya Seremban pada 4 Julai 2022. Pengauditan dijalankan selaras dengan kehendak Rancangan Struktur Negeri Sembilan 2045 (RSN 2045) merupakan dokumen perancangan yang memandu dan mengawal pembangunan fizikal seluruh Negeri Sembilan sehingga tahun 2045.

RSN 2045 telah menggariskan 16 Dasar Perancangan Utama bagi Pelan Startegik Pembangunan Negeri Sembilan. Antaranya ialah Dasar Perancangan Utama 4 (DPU 4) – Pembangunan Perumahan Berkualiti, Mencukupi dan Mampu Milik RSN 2045 menguatkuasakan pelaksanaan DPNS bagi semua permohonan pemajuan.

OBJEKTIF:

Bagi Daerah Seremban, sebanyak 189,504 unit rumah disasarkan untuk dibina sehingga tahun 2020 dan sebanyak 23,244 unit RMM telah diluluskan KM bagi tempoh tahun 2015 hingga 2021. Objektif Pengauditan Pengurusan Pembangunan Hartanah Kerajaan oleh Majlis Bandaraya Seremban adalah memastikan pengurusan pembangunan hartanah kerajaan diurus dengan tatacara yang betul selaras dengan RSN 2045. Sampel audit dan data adalah daripada tahun 2020 dan 2021 meliputi seluruh kawasan pembangunan perumahan di bawah Majlis Bandaraya Seremban.

PENEMUAN AUDIT

Hasil penemuan audit dan maklumbalas daripada jabatan dan unit adalah seperti berikut:

**MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN
UNIT AUDIT DALAM**

**PENGAUDITAN PENGURUSAN PEMBANGUNAN HARTANAH KERAJAAN OLEH
AGENSI NEGERI, JABATAN AUDIT NEGARA
4 Julai 2022**

Bil.	PENEMUAN	MAKLUMBALAS
	<u>Rumah Telah Diduduki Sebelum CCC Dikeluarkan</u>	
a	<p>Seksyen 70 (27) (f) Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133) menyatakan mana – mana orang yang menduduki atau membenarkan untuk diduduki apa – apa bangunan atau apa – apa bahagiannya tanpa suatu perakuan siap dan pematuhan, boleh apabila disabitkan didenda tidak melebihi RM 250,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 10 tahun atau kedua – duanya.</p>	<p>Jabatan Kawalan Bangunan telah menghantar surat kepada pihak-pihak yang berkaitan:</p> <p>Tajuk: Notis Ketidapatuhan Membenarkan Bangunan Diduduki Tanpa perakuan Siap & Pematuhan (CCC)</p> <p>No rujukan: Bil. (33) dlm MPS.KB 2-19/15 Tarikh: 23/06/2020</p> <p>Arkitek: John Lim Architect</p> <p>Salinan Kepada:-</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Koperasi Guru Melayu Negeri Sembilan Sdn Bhd 2. Lembaga Arkitek Malaysia 3. Urusetia Pusat Setempat OSC, MBS <p>LAMPIRAN BUKTI : LAMPIRAN 1 : SURAT KEPADA KONTRAKTOR DAN SALINAN KEPADA LEMBAGA ARKITEK</p> <p><u>Maklumbalas tambahan MBS :</u></p> <ol style="list-style-type: none"> 1. MBS telah menghantar Notis Ketidapatuhan Membenarkan Bangunan Diduduki Tanpa Perakuan Siap & Pematuhan (CCC) kepada John Lim Architect selaras dengan peruntukan Seksyen 70 (23) Akta Jalan, Parit Dan Bangunan 1974 dan disalinkan kepada Lembaga Arkitek Malaysia. MBS tiada kuasa untuk menyenaraihitam arkitek kerana arkitek tertakluk kepada Akta Arkitek 1967 (Akta 117)

**MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN
UNIT AUDIT DALAM**

**PENGAUDITAN PENGURUSAN PEMBANGUNAN HARTANAH KERAJAAN OLEH
AGENSI NEGERI, JABATAN AUDIT NEGARA
4 Julai 2022**

Bil.	PENEMUAN	MAKLUMBALAS
		<p>dan pendaftaran arkitek dikawalselia oleh Lembaga Arkitek Malaysia.</p> <p>2. Surat susulan berkaitan aduan salah laku John Lim Architect akan dikemukakan kepada Lembaga Arkitek Malaysia.</p>
b	<p>Berdasarkan Buku Panduan Sistem Pengeluaran Perakuan Siap dan Pematuhan yang dikeluarkan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan pada 12 April 2007, sesuatu bangunan yang didirikan perlu mempunyai perakuan yang mengesahkan ia selamat dan layak diduduki. Perakuan ini hanya dikeluarkan setelah pembinaanya mematuhi peruntukan undang – undang, pelan bangunan yang diluluskan dan juga syarta – syarat yang ditetapkan oleh PBT di peringkat kelulusan pelan.</p>	<p>Jabatan kawalan Bangunan menggunakan Borang Semakan Pengemukaan Perakuan Siap Dan Pematuhan CCC selaras dengan Buku Panduan Sistem Pengeluaran Perakuan Siap Dan Pematuhan yang dikeluarkan oleh KPKT.</p> <p>Borang semakan seperti dilampiran.</p> <p>LAMPIRAN 1 : SURAT KEPADA KONTRAKTOR DAN SALINAN KEPADA LEMBAGA ARKITEK</p> <p>LAMPIRAN 2: BORANG SEMAKAN PENGEMUKAAN PERAKUAN SIAP DAN PEMATUHAN CCC</p>
c	<p>Semakan Audit terhadap fail pembangunan perumahan 5 Unit Rumah Teres 2 Tingkat di Taman Kiambang mendapati KM telah diluluskan pada Mesyuarat OSC Bil. 22/2016 pada 16 Disember 2016. Kelulusan Pelan Bangunan pula telah diperoleh pada 31 Mei 2017. Pemaju melalui Arkitek Perunding yang dilantik telah</p>	<p>Jabatan kawalan Bangunan ada menerima notis / Borang B daripada kontraktor:</p> <p>Ruj Kami : FH/RH/582/2014/2-PINDAAN Ruj Tuan : Bil(30) dlm MPS.KB2-19/15 Bertarikh : 16 Jun 2017 Borang B : Notis Memulakan Kerja Bangunan</p>

**MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN
UNIT AUDIT DALAM**

**PENGAUDITAN PENGURUSAN PEMBANGUNAN HARTANAH KERAJAAN OLEH
AGENSI NEGERI, JABATAN AUDIT NEGARA
4 Julai 2022**

Bil.	PENEMUAN	MAKLUMBALAS
	<p>mengemukakan Notis Memulakan Kerja Bangunan pada 16 Jun 2017 yang menyatakan hasrat untuk memulakan selepas tamat tempoh 4 hari dari tarikh notis diterima.</p>	<p>LAMPIRAN 3 : BORANG B: NOTIS MEMULAKAN KERJA BANGUNAN</p> <p><u>Maklumbalas tambahan MBS :</u></p> <p>1. Rekod kawalan / pemantauan yang dijalankan <u>sebelum</u> Notis Memulakan / Penyambungan Semula Kerja Bangunan (Borang B) - daftar kelulusan pelan bagi pembangunan ini. No. Kelulusan asal adalah 15/16 bertarikh 03/02/2016. No. Kelulusan pelan pindaan adalah 15/16 bertarikh 31/05/2017.</p> <p>Lampiran:</p> <p>i) Kelulusan asal adalah 15/16 bertarikh 03/02/2016 Bil (12) dlm MPS.KB 2 – 19/15</p> <p>ii) Kelulusan pelan pindaan adalah 15/16 bertarikh 31/05/2017. Bil(30) dlm MPS.KB2-19/15</p> <p>2. Rekod kawalan / pemantauan yang dijalankan <u>selepas</u> Notis Memulakan / Penyambungan Semula Kerja Bangunan (Borang B) – Laporan lawatan pemantauan tapak.</p> <p>3. Rekod semakan pematuhan pelan yang telah diluluskan – semakan adalah berdasarkan kepada senarai semakan bagi pengeluaran CCC.</p>

**MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN
UNIT AUDIT DALAM**

**PENGAUDITAN PENGURUSAN PEMBANGUNAN HARTANAH KERAJAAN OLEH
AGENSI NEGERI, JABATAN AUDIT NEGARA
4 Julai 2022**

Bil.	PENEMUAN	MAKLUMBALAS
d	<p>MBS telah menjalankan lawatan pemantauan tapak pada 2 Jun 2020. Hasil semakan yang dijalankan menunjukkan pembinaan 5 unit Rumah Teres 2 Tingkat tersebut telah siap dan telah diduduki oleh pembeli sebelum CCC dikeluarkan. Selain itu, terdapat rumah – rumah yang telah membuat tambahan atau ubahan tanpa kebenaran bertulis daripada MBS. Sehubungan itu, MBS telah mengeluarkan Notis Ketidakpatuhan Membenarkan Bangunan Diduduki Tanpa CCC pada 23 Jun 2020 kepada Arkitek Perunding dan disalin kepada Lembaga Arkitek Malaysia untuk tindakan.</p>	<p>Jabatan Kawalan Bangunan telah menghantar surat kepada pihak-pihak yang berkaitan:</p> <p>Tajuk: Notis Ketidakpatuhan Membenarkan Bangunan Diduduki Tanpa perakuan Siap & Pematuhan (CCC)</p> <p>No rujukan: Bil. (33) dlm MPS.KB 2-19/15 Tarikh: 23/06/2020 Arkitek: John Lim Architect</p> <p>Salinan Kepada:-</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Koperasi Guru Melayu Negeri Sembilan Sdn Bhd 2. Lembaga Arkitek Malaysia 3. Urusetia Pusat Setempat OSC, MBS <p>Walaubagaimanapun, Lembaga Arkitek tidak kemukakan sebarang maklumbalas.</p> <p>LAMPIRAN 1 : SURAT KEPADA KONTRAKTOR DAN SALINAN KEPADA LEMBAGA ARKITEK</p>
e	<p>Semakan lanjut Audit mendapati CCC masih belum diperoleh memandangkan masih terdapat isu lokasi persimpangan keluar / masuk Jalan Senawang – Paroi di Lot 1683 hingga 1686 yang melibatkan empat pemaju. Bagi menyelaraskan semua persimpangan ini, Jabatan Kerja Raya Negeri Sembilan (JKRNS) telah mengarahkan hanya satu persimpangan</p>	<p>Jalan masuk ke lot - lot pembangunan ini iaitu Lot 1683 hingga Lot 1686 adalah melalui Jalan Persekutuan iaitu Jalan Senawang - Paroi (FT 097) di bawah Jabatan Kerja Raya (JKR).</p> <p>Pada peringkat awal pembangunan bagi Lot 1683 hingga Lot 1685, pihak JKR telah meluluskan pembinaan jalan masuk ke lot - lot ini dihadapan Lot 1685 dan telah diluluskan dalam</p>

**MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN
UNIT AUDIT DALAM**

**PENGAUDITAN PENGURUSAN PEMBANGUNAN HARTANAH KERAJAAN OLEH
AGENSI NEGERI, JABATAN AUDIT NEGARA
4 Julai 2022**

Bil.	PENEMUAN	MAKLUMBALAS
	<p>dibuka dan kos pembinaan akan dikongsi oleh empat pemaju. Hasil pembincangan bertarikh 15 Februari 2019 bersetuju bahawa lokasi persimpangan dipindahkan daripada di tengah Lot 1684 dan 1685 kepada hadapan Lot 1686.</p>	<p>Mesyuarat Jawatankuasa OSC Majlis Perbandaran Seremban Bil. 17/2014 bertarikh 15.10.2014</p> <p>LAMPIRAN 1 : PELAN KELULUSAN NO. 0078/10/01/JP BERTARIKH 15.10.2014)</p> <p>Walaubagaimanapun, pada 15.2.2019, pihak JKR telah mengadakan perbincangan bersama pemaju terlibat berkenaan persimpangan keluar / masuk di Lot 1683 hingga Lot 1686, Jalan Senawang - Paroi FT 097 dengan mengambil keputusan memindahkan lokasi persimpangan asal di hadapan Lot 1685 ke hadapan Lot 1686</p> <p>LAMPIRAN 2: MINIT PERBINCANGAN BERKENAAN PERSIMPANGAN KELUAR/MASUK DI LOT 1683 - LOT 1686 JALAN SENAWANG – PAROI FT097, MUKIM AMPANGAN BERTARIKH 15 FEBRUARI 2019.</p> <p><u>Status kelulusan simpang baru:</u> Pelan cadangan jalan masuk / keluar dihadapan Lot 1686 ini telah dibentangkan dan diluluskan oleh Mesyuarat OSC, Majlis Bandaraya Seremban Bil. 18/2021 bertarikh 14.10.2021</p> <p>LAMPIRAN 3 : PELAN KELULUSAN BAGI CADANGAN JALAN MASUK / KELUAR LOT 1686 BERTARIKH 14 OKTOBER 2021).</p> <p><u>Status terkini pembinaan:</u> Seperti yang dimaklumkan oleh Pemaju MC Alam Sdn. Bhd., mereka masih menunggu</p>

**MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN
UNIT AUDIT DALAM**

**PENGAUDITAN PENGURUSAN PEMBANGUNAN HARTANAH KERAJAAN OLEH
AGENSI NEGERI, JABATAN AUDIT NEGARA
4 Julai 2022**

Bil.	PENEMUAN	MAKLUMBALAS
		mesyuarat penyelarasan yang diuruskan oleh pihak KPKT.
f	Dalam Mesyuarat Pemantauan Projek Bermasalah Bil. 1/2022 oleh Jabatan Perumahan Negara pada 11 Februari 2022, pemaju bagi Lot 1684 dan 1686 bersetuju untuk berkongsi kos penyiapan pembinaan persimpangan masuk yang baru tanpa penglibatan pemaju bagi dua lot lain yang telah mendapat CCC.	<p>Isu ini telah dibincangkan dalam Mesyuarat Pemantauan Projek Bermasalah Bil. 1/2022 Jabatan Perumahan Negara pada 11/2/2022 yang dipenguruskan oleh En. Ir Roslan Bin Mohd Salleh, Pengarah Bahagian Pemantauaan Swasta, jabatan Perumahan Negara.</p> <p>Walaupun bagaimanapun, MBS tidak menerima jemputan ke mesyuarat tersebut dan keputusan perubahan lokasi simpang adalah keputusan daripada Jabatan Kerja Raya tanpa membabitkan MBS.</p> <p>Rujuk Minit Mesyuarat Mesyuarat Pemantauan Projek Bermasalah Bil. 1/2022 Jabatan Perumahan Negara yang diadakan pada 11/2/2022.</p> <p>LAMPIRAN 4: MINIT MESYUARAT PEMANTAUAN PROJEK BERMASALAH BIL 1/22, JABATAN PERUMAHAN NEGARA</p>
g	Lawatan Audit pada 18 Mei 2022 ke Taman Seri Kiambang mendapat jalan masuk belum siap bina. Butiran lanjut adalah seperti di Gambar 3 dan Gambar 6. Mohon ulasan mengenai perkara ini.	Makluman

~ Laporan Tamat ~

**MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN
UNIT AUDIT DALAM**

**LAPORAN PENGAUDITAN PEMATUHAN GARIS PANDUAN PENGURUSAN DAN
PENYELENGGARAAN KOLAM RENANG AWAM - PUSAT AKUATIK NEGERI
2 JUN 2022**

BIL.	PENEMUAN	MAKLUMBALAS
1	PENGURUSAN	
1.1	Lukisan siap bina bagi setiap kolam perlu disediakan unuk rujukan terutamanya berkaitan penyelenggaraan dan pembaikan kolam renang.	Bangunan Kompleks Kolam Renang MBS dan Pusat Akuatik Negeri dibina oleh pihak kerajaan melalui Jab. Kerja Raya N.Sembilan dimana lukisan tersebut berkemungkinan berada dalam simpanan pihak JKR.NS. Pihak Jab. Kejuruteraan, MBS telah dipohon untuk mendapatkan salinan lukisan siap bina tersebut.
1.2	Manual operasi juga perlu disimpan di pejabat untuk rujukan dan simpanan lebih selamat berbanding ditampal pada dinding bilik pam.	Salinan manual operasi telah dibuat salinan pendua dan kini disimpan di dalam bilik fail Jab. Pembangunan Masyarakat & Pelancongan, MBS
1.3	Inventori barangan dalam stor perlu disediakan	Inventori barangan yang terdapat di dalam stor telah siap disenaraikan dalam catitan inventori Jab. Pembangunan Masyarakat & Pelancongan, MBS.
1.4	Kerja-kerja pembaikan dan penyelenggaraan perlu direkodkan dan disimpan secara sistematik dan teratur.	Kerja-kerja baikpulih dan pembaikan serta penyelenggaraan adalah tertakluk di bawah bidang tugas pihak Jab. Kejuruteraan, MBS. Jab. Kejuruteraan, MBS telah dipohon untuk mengemukakan salinan rekod borang kerosakan / pembaikan dan penyelenggaraan kolam renang awam bagi tahun 2022.
1.5	Insiden seperti penutupan / pengosongan kolam renang perlu direkodkan.	Fail bagi menyimpan rekod penutupan / pengosongan serta sebarang aktiviti melibatkan kolam renang telah dibuka.
1.6	Jadual waktu operasi yang lama perlu ditanggalkan untuk mengelakkan kekeliruan kepada pengguna.	Jadual waktu operasi yang lama telah ditanggalkan dan diganti dengan yang terkini.

**MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN
UNIT AUDIT DALAM**

**LAPORAN PENGAUDITAN PEMATUHAN GARIS PANDUAN PENGURUSAN DAN
PENYELENGGARAAN KOLAM RENANG AWAM - PUSAT AKUATIK NEGERI
2 JUN 2022**

BIL.	PENEMUAN	MAKLUMBALAS
1.7	Poster dan risalah tentang penggunaan dan peraturan kolam renang perlu disediakan untuk kesedaran orang awam.	Poster berkaitan peraturan keselamatan telah disediakan dan ditampal di beberapa sudut kolam yang strategik untuk mendidik pengunjung kolam renang tersebut.
1.8	Aset seperti penapis, pam dan tangki pengimbang perlu didaftarkan untuk rujukan penyenggaraan	Inventori aset yang terdapat di dalam bilik pam adalah tertakluk di bawah bidang kuasa Jab. Kejuruteraan, MBS. Jab. Kejuruteraan, MBS telah dipohon untuk mengemukakan salinan inventori aset bilik pam tersebut
2	PELAN KESELAMATAN	
2.1	Pelan Keselamatan Kolam yang khusus untuk setiap kemudahan kolam renang perlu disediakan. Pelan ini bertujuan menjelaskan prosedur bertulis bagi mencegah kemungkinan peristiwa berbahaya dan membantu tindak balas kepada peristiwa dan / atau kejadian yang boleh menjejaskan keselamatan dan kesihatan pengguna dan kakitangan kolam.	Pelan Keselamatan Kolam telah siap disediakan dan dalam peringkat kelulusan Ketua Jabatan untuk digunapakai menjelang Januari 2023.
2.2	Pelan susun atur yang menunjukkan lokasi peralatan kecemasan / menyelamatkan, laluan kecemasan, ruang berkumpul dan ruang first aid (peti kecemasan) perlu disediakan dan dipaparkan untuk makluman kakitangan dan orang awam.	Pelan susun atur berkaitan telah disediakan dan ditampal di beberapa sudut kolam yang strategik untuk maklumat pengunjung kolam renang tersebut.
2.3	Pelan Tindakan Kecemasan yang mengandungi senarai nombor telefon agensi berkaitan (Bomba, Polis, Hospital), prosedur tindakan kecemasan, senarai peralatan kecemasan dan menyelamatkan dan prosedur pengosongan / penutupan / pengoperasian semula kolam perlu	Pelan Tindakan Kecemasan telah siap disediakan dan dalam peringkat kelulusan Ketua Jabatan untuk digunapakai menjelang Januari 2023.

**MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN
UNIT AUDIT DALAM**

**LAPORAN PENGAUDITAN PEMATUHAN GARIS PANDUAN PENGURUSAN DAN
PENYELENGGARAAN KOLAM RENANG AWAM - PUSAT AKUATIK NEGERI
2 JUN 2022**

BIL.	PENEMUAN	MAKLUMBALAS
	disediakan dan didokumenkan bersama Pelan Keselamatan.	
2.4	Bilangan penyelamat sedia ada iaitu 2 orang bagi setiap sesi adalah tidak mencukupi, sekurang-kurangnya setiap kolam perlu mempunyai seorang penyelamat. Penyelamat tersebut perlu mempunyai Sijil Bantuan Pernafasan (CPR) dan Sijil Pingat Gangsa (Bronze Medallion) yang diperbaharui setiap 2 tahun.	Pada masa ini, Jab. Pembangunan Masyarakat & Pelancongan, MBS mempunyai sejumlah 3 orang penyelamat dan ianya mencukupi bagi menyelia keselamatan di dua buah kolam yang dibuka kepada orang awam. Kolam yang terdapat di Pusat Akuatik Paroi tidak perlu diselia kerana ianya hanya dibuka kepada Persatuan Renang N.Sembilan dan kelab-kelab renang sahaja.
2.5	Helaian Material Safety Data Sheet (MSDS) bagi setiap bahan kimia yang digunakan perlu diperolehi daripada pembekal berkenaan untuk rujukan bagi tindakan berkaitan keselamatan.	Jab. Pembangunan Masyarakat & Pelancongan, MBS telah mendapatkan helaian MSDS tersebut dari pembekal bahan kimia tersebut untuk simpanan JPMP.
2.6	Latihan pengendalian bahan kimia kepada kakitangan perlu disediakan. Latihan tersebut adalah penting supaya kakitangan tersebut mempunyai pengetahuan berkenaan setiap bahan kimia yang dikendalikan agar mematuhi akta, undang-undang dan peraturan yang berkuatkuasa.	Jab. Pembangunan Masyarakat & Pelancongan, MBS telah memohon kerjasama Jab. Khidmat Pengurusan, MBS untuk mendapatkan latihan pengurusan bahan kimia yang sesuai untuk kakitangan kolam renang.
2.7	Inventori bahan kimia perlu disediakan untuk rujukan penggunaan bahan kimia tersebut.	Inventori bahan kimia yang terdapat di dalam stor telah siap disenaraikan.
2.8	Papan tanda bantuan pernafasan (CPR) perlu dipaparkan pada laluan masuk atau berdekatan kolam renang untuk rujukan pengguna sekiranya memerlukan tindakan segera.	Pihak JPMP, MBS telah menyediakan poster berkaitan CPR dan telah ditampal di beberapa sudut kolam yang strategik untuk rujukan pengunjung kolam renang tersebut.

**MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN
UNIT AUDIT DALAM**

**LAPORAN PENGAUDITAN PEMATUHAN GARIS PANDUAN PENGURUSAN DAN
PENYELENGGARAAN KOLAM RENANG AWAM - PUSAT AKUATIK NEGERI
2 JUN 2022**

BIL.	PENEMUAN	MAKLUMBALAS
3	PEMBERSIHAN DAN PENYENGGARAAN	
3.1	Jadual pembersihan bagi tempoh mingguan atau bulanan adalah disarankan untuk disediakan selain makluman secara harian melalui aplikasi Whatsapp. Borang kerja pembersihan yang perlu diisi oleh pekerja pembersihan dan dipantau oleh penyelia juga disyorkan untuk digunapakai bagi tujuan pemantauan. Dicadangkan borang tersebut dipamerkan pada mana-mana ruang yang mudah dilihat di tandas / bilik persalinan.	Jadual pembersihan telah disediakan oleh penyelia dan ditampal di beberapa sudut kolam yang sesuai untuk rujukan petugas kolam renang tersebut.
3.2	Lantai bilik persalinan dan tandas wanita mempunyai air bertakung. Kebocoran paip yang menyebabkan air bertakung perlu diperbaiki segera kerana boleh membahayakan keselamatan pengguna.	Jab. Pembangunan Masyarakat & Pelancongan, MBS telah mengemukakan memo mohon baikpulih kebocoran paip kepada Jab. Kejuruteraan, MBS untuk tindakan baikpulih.
3.3	Buku log penyenggaraan dicadangkan disediakan di bilik pam untuk kegunaan bahagian teknikal atau kontraktor dilantik merekodkan tindakan yang dilaksanakan setiap kali kedatangan mereka. Setiap kerja pemeriksaan ke atas sistem pam, tangki pengimbang, tolok tekanan penapis air dan motor pam perlu direkodkan dalam buku log tersebut.	Buku log merekodkan jadual penyenggaraan bilik pam telah ditempatkan di kaunter tiket Kolam Renang Awam Paroi untuk merekod kehadiran kontraktor / Jurutera Majlis membuat kerja-kerja penyelenggaraan di bilik pam kolam renang tersebut.
3.4	Konkrit pada bahagian tepi longkang telah rosak menyebabkan penutup longkang terjatuh apabila dipijak. Hal ini perlu diambil tindakan segera kerana boleh menyebabkan kecederaan kepada pengguna terutamanya kanak-kanak.	Jab. Pembangunan Masyarakat & Pelancongan, MBS telah mengemukakan memo mohon baikpulih kerosakan longkang kepada Jab. Kejuruteraan, MBS untuk tindakan baikpulih.

**MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN
UNIT AUDIT DALAM**

**LAPORAN PENGAUDITAN PEMATUHAN GARIS PANDUAN PENGURUSAN DAN
PENYELENGGARAAN KOLAM RENANG AWAM - PUSAT AKUATIK NEGERI
2 JUN 2022**

BIL.	PENEMUAN	MAKLUMBALAS
3.5	Limpahan air dari kolam renang wanita menyebabkan air bertakung dan keadaan licin pada lorong jalan kaki di hadapan bilikpam. Tindakan segera perlu diambil untuk memastikan paras air kolam tersebut tidak melimpah ke lorong pejalan kaki.	Jab. Pembangunan Masyarakat & Pelancongan, MBS telah mengemukakan memo berhubung limpahan air kolam tersebut kepada Jab. Kejuruteraan, MBS untuk tindakan baikpulih.
3.6	Semasa audit dijalankan, terdapat peralatan tidak berkaitan serta tong-tong bahan kimia yang kosong diletakkan dalam bilik pam. Keadaan bilik pam juga didapati kurang bersih dan kurang penjagaan. Hal ini berkemungkinan disebabkan oleh kekurangan kakitangan untuk menguruskan bilik pam dan juga kolam renang yang banyak.	Kerja-kerja pembersihan dan menyusun semula bilik pam telah siap dilaksanakan oleh Jab. Pembangunan Masyarakat & Pelancongan, MBS.
3.7	Backwash dimaklumkan dibuat setiap minggu. Walau bagaimanapun, aktiviti tersebut tidak direkodkan. Rekod adalah penting untuk pembuktian bahawa kerja tersebut adalah dilaksanakan dan dibuat secara berkala.	Buku Log bagi menyimpan rekod kerja-kerja backwash telah dibuka dan mula digunapakai.
3.8	Panduan pembersihan air kolam renang yang tercemar oleh najis / muntah / darah tidak disediakan untuk panduan dan rujukan kakitangan dan juga pengguna.	Pelan Tindakan Kecemasan telah siap disediakan dan dalam peringkat kelulusan Ketua Jabatan untuk digunapakai menjelang Januari 2023.
3.9	Pemeriksaan di bilik pam juga mendapati terdapat semua bilik pam dilengkapi dengan sistem auto dosing. Walau bagaimanapun, sistem tersebut adalah tidak digunakan. Pendosaan klorin secara automatik adalah	Sistem auto dosing tersebut telah tidak digunakan (atas nasihat Jab. Kejuruteraan, MPS) sejak kerja-kerja baik pulih bilik pam tersebut dilakukan oleh Jab. Kejuruteraan, MPS. Jab. Kejuruteraan, MBS telah dipohon

**MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN
UNIT AUDIT DALAM**

**LAPORAN PENGAUDITAN PEMATUHAN GARIS PANDUAN PENGURUSAN DAN
PENYELENGGARAAN KOLAM RENANG AWAM - PUSAT AKUATIK NEGERI
2 JUN 2022**

BIL.	PENEMUAN	MAKLUMBALAS
	disyorkan untuk dibaiki dan digunakan semula agar kawalan ke atas dos klorin yang digunakan secara optimal dapat dibuat.	untuk mengemukakan maklumbalas berhubung isu auto dosing tersebut
3.10	Panduan pembersihan air kolam renang yang tercemar oleh najis / muntah / darah tidak disediakan untuk panduan dan rujukan kakitangan dan juga pengguna.	Pelan Tindakan Kecemasan telah siap disediakan dan dalam peringkat kelulusan Ketua Jabatan untuk digunapakai menjelang Januari 2023.
3.11	Pemeriksaan di bilik pam juga mendapati terdapat semua bilik pam dilengkapi dengan sistem auto dosing. Walau bagaimanapun, sistem tersebut adalah tidak digunakan. Pendosaan klorin secara automatik adalah disyorkan untuk dibaiki dan digunakan semula agar kawalan ke atas dos klorin yang digunakan secara optimal dapat dibuat.	Sistem auto dosing tersebut telah tidak digunakan (atas nasihat Jab. Kejuruteraan, MPS) sejak kerja-kerja baik pulih bilik pam tersebut dilakukan oleh Jab. Kejuruteraan, MPS. Jab. Kejuruteraan, MBS telah dipohon untuk mengemukakan maklumbalas berhubung isu auto dosing tersebut.
3.12	Senarai semak bagi kerja-kerja penyenggaraan perlu disediakan untuk dilengkapkan oleh kakitangan bertanggungjawab atau kontraktor yang dilantik. Borang bagi kerja pembaikan perlu disediakan untuk tujuan rekod dan rujukan terutamanya bagi tujuan bayaran tuntutan kerja.	Jab. Pembangunan Masyarakat & Pelancongan, MBS telah memohon kerjasama Jab. Kejuruteraan, MBS untuk menyediakan senarai semak tersebut.
4	KUALITI AIR	
4.1	Peralatan pengujian kualiti air yang digunakan oleh MBS didapati tidak sesuai digunakan. Disyorkan untuk membuat peralatan pengujian air yang terkini berdasarkan empat (4) parameter ditetapkan iaitu baki klorin, kekeruhan (turbidity), pH dan suhu.	Jab. Pembangunan Masyarakat & Pelancongan, MBS dalam peringkat persediaan untuk mendapatkan alat uji kualiti air tersebut melalui Unit Perolehan, MBS melalui peruntukan tahun 2023.

**MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN
UNIT AUDIT DALAM**

**LAPORAN PENGAUDITAN PEMATUHAN GARIS PANDUAN PENGURUSAN DAN
PENYELENGGARAAN KOLAM RENANG AWAM - PUSAT AKUATIK NEGERI
2 JUN 2022**

BIL.	PENEMUAN	MAKLUMBALAS
4.2	Menyediakan formula bancuhan klorin dan jadual kekerapan pengklorinan bagi setiap kolam sebagai panduan kepada pengendali untuk membuat bancuhan.	Jab. Pembangunan Masyarakat & Pelancongan, MBS telah memohon kerjasama Pejabat Kesihatan Daerah Seremban untuk mendapatkan khidmat nasihat berhubung kaedah / formula pengklorinan.
4..3	Pihak MBS disarankan untuk merekodkan aktiviti persampelan kualiti air ke dalam Borang Pemantauan Kualiti Air Kolam Renang yang disediakan oleh pihak JKT.	Jab. Pembangunan Masyarakat & Pelancongan, MBS akan mula merekodkan bacaan persampelan kualiti air tersebut apabila telah memperolehi alat uji kualiti air yang lebih baik.
4.4	MBS perlu menyediakan kakitangan yang terlatih dan berkemahiran tentang persampelan kualiti air agar mengikut protokol persampelan yang betul.	Jab. Pembangunan Masyarakat & Pelancongan, MBS dengan kerjasama Jab. Pembersihan & Kesihatan Persekitaran, telah menghantar seorang kakitangan (En. Mohamad Fahmi Bin Marzuki) menyertai Kursus Pemantauan Kualiti Air Kolam pada 07 Julai 2022. Pihak JPMP, juga telah memohon kerjasama Jab. Khidmat Pengurusan, MBS untuk mendapatkan latihan pengurusan kualiti air bagi kakitangan kolam renang.
4.5	Semua kakitangan terlibat perlu diberi latihan berkaitan skop kerja mereka dari masa ke semasa.	Jab. Pembangunan Masyarakat & Pelancongan, MBS dengan kerjasama Jab. Khidmat Pengurusan, MBS sedang dalam usaha untuk mendapatkan latihan-latihan yang sesuai untuk kakitangan kolam renang.

~Laporan tamat~


**MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN
UNIT AUDIT DALAM**

**SESI KONSULTANSI UNIT AUDIT DALAM
16 Februari 2022**

Susulan terdapat beberapa isu-isu penemuan audit tahun 2019 hingga 2021 yang masih belum selesai, Unit Audit Dalam telah mengambil inisiatif dengan mengadakan sesi konsultasi bersama jabatan / unit pada 16 Februari 2022.

Hasil daripada sesi konsultasi tersebut, keseluruhan isu-isu pada tahun 2019 – 2021 yang masih belum selesai telah diterima maklumbalas daripada setiap jabatan dan unit yang terlibat. Unit Audit Dalam mengucapkan sekalung penghargaan dan terima kasih terhadap komitmen yang diberi semasa program dijalankan.

Rumusan Program Penemuan 2019 – 2021 Yang Belum Selesai:



~ Laporan Tamat ~




Hasil Sesi Konsultasi
Jumlah Bilangan Penemuan **87**
Jumlah Selesai **87**

**MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN
UNIT AUDIT DALAM**

**LAPORAN PEMERIKSAAN MENGEJUT KENDERAAN BERSAMA DATUK BANDAR
30 Jun 2022**

Unit Audit Dalam (UAD) telah menjalankan Pemeriksaan Mengejut Kenderaan Bersama Datuk Bandar pada 30 Jun 2022. Pemeriksaan fizikal hanya melibatkan kenderaan yang berada di lot parkir kenderaan jabatan Wisma Majlis Bandaraya Seremban sahaja.



Analisis Trend Penemuan

Penemuan-penemuan yang berulang dan sering berlaku

- Penyelenggaraan Kenderaan

- Pengemaskinian Buku Log Kenderaan

**MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN
UNIT AUDIT DALAM**

**LAPORAN PEMERIKSAAN MENGEJUT KENDERAAN BERSAMA DATUK BANDAR
30 Jun 2022**

BIL.	PENEMUAN	TINDAKAN	MAKLUMBALAS						
1.	<p><u>BUKU LOG KENDERAAN</u></p> <p>Semakan audit pada buku log kenderaan jabatan mendapati penemuan seperti berikut :-</p> <p>Jabatan Kawalan Bangunan</p> <p>Semasa pemeriksaan, UAD telah memeriksa 2 unit kenderaan milik Jabatan Kawalan Bangunan. Semakan audit pada buku log kenderaan mendapati buku log telah dikemaskini sehingga tarikh akhir penggunaan dan kenderaan jabatan berada dalam keadaan yang baik.</p> <p>Walaupun bagaimanapun, terdapat ruangan yang tidak diisi dengan lengkap seperti yang telah ditetapkan. Penemuan audit adalah seperti di jadual di bawah: -</p> <table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <thead> <tr> <th style="text-align: center;">No. Kenderaan</th> <th style="text-align: center;">Penemuan</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td style="vertical-align: top;">NDS 9163 (Mitsubishi Pick Up)</td> <td> <ol style="list-style-type: none"> 1. Rekod penyelenggaraan kenderaan tidak dicatatkan di mukasurat Rekod Penyelenggaraan Berjadual 2. Butiran penggunaan kenderaan TIDAK direkodkan dengan lengkap destinasi perjalanan (Dari – ke) 3. Tiada semakan dan pengesahan oleh Pegawai Kenderaan 4. Tidak mengisi nama dan tandatangan Pengguna bagi perjalanan 20.6.2022 & 17.6.2022 </td> </tr> <tr> <td style="vertical-align: top;">NDT 8840 (Suv Nissan X-Trail)</td> <td> <ol style="list-style-type: none"> 1. Catatan Odometer tidak dikemaskini. Tarikh terakhir dikemaskini pada 18.6.2022 2. Semakan fizikal Bacaan odometer: 2368 3. Semakan di buku log kenderaan: 1444 4. Tiada semakan dan pengesahan oleh Pegawai Kenderaan, dan tiada nama dan tandatangan oleh pengguna </td> </tr> </tbody> </table>	No. Kenderaan	Penemuan	NDS 9163 (Mitsubishi Pick Up)	<ol style="list-style-type: none"> 1. Rekod penyelenggaraan kenderaan tidak dicatatkan di mukasurat Rekod Penyelenggaraan Berjadual 2. Butiran penggunaan kenderaan TIDAK direkodkan dengan lengkap destinasi perjalanan (Dari – ke) 3. Tiada semakan dan pengesahan oleh Pegawai Kenderaan 4. Tidak mengisi nama dan tandatangan Pengguna bagi perjalanan 20.6.2022 & 17.6.2022 	NDT 8840 (Suv Nissan X-Trail)	<ol style="list-style-type: none"> 1. Catatan Odometer tidak dikemaskini. Tarikh terakhir dikemaskini pada 18.6.2022 2. Semakan fizikal Bacaan odometer: 2368 3. Semakan di buku log kenderaan: 1444 4. Tiada semakan dan pengesahan oleh Pegawai Kenderaan, dan tiada nama dan tandatangan oleh pengguna 	JKB	SELESAI
No. Kenderaan	Penemuan								
NDS 9163 (Mitsubishi Pick Up)	<ol style="list-style-type: none"> 1. Rekod penyelenggaraan kenderaan tidak dicatatkan di mukasurat Rekod Penyelenggaraan Berjadual 2. Butiran penggunaan kenderaan TIDAK direkodkan dengan lengkap destinasi perjalanan (Dari – ke) 3. Tiada semakan dan pengesahan oleh Pegawai Kenderaan 4. Tidak mengisi nama dan tandatangan Pengguna bagi perjalanan 20.6.2022 & 17.6.2022 								
NDT 8840 (Suv Nissan X-Trail)	<ol style="list-style-type: none"> 1. Catatan Odometer tidak dikemaskini. Tarikh terakhir dikemaskini pada 18.6.2022 2. Semakan fizikal Bacaan odometer: 2368 3. Semakan di buku log kenderaan: 1444 4. Tiada semakan dan pengesahan oleh Pegawai Kenderaan, dan tiada nama dan tandatangan oleh pengguna 								



**MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN
UNIT AUDIT DALAM**

**LAPORAN PEMERIKSAAN MENGEJUT KENDERAAN BERSAMA DATUK BANDAR
30 Jun 2022**

BIL.	PENEMUAN	TINDAKAN	MAKLUMBALAS
	<p>Bagi kesalahan yang dinyatakan, pemandu tidak mengemaskini dengan lengkap buku melebihi tempoh satu minggu dan tiada semakan serta pengesahan dari Pegawai Kenderaan secara berkala.</p> <p>Jabatan Kejuruteraan</p> <p>Semasa pemeriksaan dijalankan, hanya terdapat satu unit kenderaan jabatan yang berada di lokasi iaitu NDQ 1021 (Nissan X-Trail). Semakan audit mendapati buku log telah dikemaskini hingga tarikh akhir penggunaan iaitu 29 Jun 2022 dan salinan cerakinan bagi Mac dan April telah dihantar ke Unit Bengkel. Pemerhatian juga mendapati, kenderaan jabatan berada dalam keadaan baik dan bersih.</p> <p>Walaupun bagaimanapun, terdapat ruangan bagi nama dan tandatangan pengguna yang tidak diisi dengan lengkap. Pengguna kenderaan hanya menurunkan tandatangan tanpa menyatakan nama pengguna. Pegawai kenderaan perlulah memastikan semua maklumat adalah lengkap sebelum membuat kelulusan pada buku log.</p> <p>Jabatan Taman Dan Landskap</p> <p>Semasa pemeriksaan dijalankan, hanya terdapat satu unit kenderaan jabatan yang berada di lokasi iaitu NDT 8804 (Proton X70). Kenderaan tersebut digunakan oleh Pejabat Cawangan Nilai. Pemerhatian audit mendapati kenderaan berada dalam keadaan baik dan bersih.</p> <p>Semakan pada buku log kenderaan mendapati, buku tidak dikemaskini dengan lengkap bermula bulan Jun 2022. Butiran penemuan adalah seperti di bawah:-</p> <p>Tiada semakan dan pengesahan oleh pegawai kenderaan.</p> <p>Pegawai kenderaan haruslah sentiasa memantau dan memeriksa buku log kenderaan jabatan bagi memastikan buku direkod dengan tepat dan sentiasa dikemaskini.</p>	<p style="text-align: center;">JKJ</p> <p style="text-align: center;">JTL</p>	<p style="text-align: center;">SELESAI</p> <p style="text-align: center;">SELESAI</p>

**MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN
UNIT AUDIT DALAM**

**LAPORAN PEMERIKSAAN MENGEJUT KENDERAAN BERSAMA DATUK BANDAR
30 Jun 2022**

BIL.	PENEMUAN	TINDAKAN	MAKLUMBALAS
	<p>Motorsikal bagi Jabatan Undang – Undang dan Penguatkuasaan digunakan oleh Penguatkuasa untuk tujuan rondaan dan pemantauan kawasan. Penemuan audit adalah seperti berikut :-</p> <p>Semasa tinjauan audit dibuat, didapati motorsikal Majlis diparkir bersama – sama dengan motorsikal orang awam dan kakitangan Majlis. Disarankan jabatan menyediakan ruang parkir khas bagi motorsikal Majlis bagi memudahkan pemantauan dan memastikan hanya kenderaan yang dibenarkan sahaja boleh dibawa keluar. Selain itu, ruang parkir akan lebih kemas dan teratur.</p> <p>Temubual bersama Pembantu Penguatkuasa (KP19) mendapati penunggang motorsikal mempunyai surat kuasa Kebenaran Membawa Kenderaan Majlis yang telah dikemaskini. Contoh surat kuasa adalah seperti di bawah.</p> <div style="display: flex; justify-content: space-around;"></div> <p>Walaupun bagaimanapun, semakan pada buku log motorsikal NDQ 2453 mendapati buku tidak dikemaskini dengan lengkap. Tiada semakan dan pengesahan Pegawai Kenderaan dari bulan Februari 2022.</p> <p>Cerakanan buku log juga tidak dihantar ke Unit Bengkel pada setiap bulan bermula Februari 2022.</p> <p>Syor Audit : Jabatan boleh melantik Pegawai Kenderaan lain dalam kalangan Penguatkuasa bagi memudahkan pemantauan kenderaan dan semakan buku log kerana pegawai tersebut terlibat secara langsung dalam aktiviti harian penguatkuasaan dan rondaan.</p>	<p style="text-align: center;">JUUP</p> <p style="text-align: center;">JUUP</p>	<p style="text-align: center;">SELESAI</p> <p style="text-align: center;">SELESAI</p>

**MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN
UNIT AUDIT DALAM**

**LAPORAN PEMERIKSAAN MENGEJUT KENDERAAN BERSAMA DATUK BANDAR
30 Jun 2022**

BIL.	PENEMUAN	TINDAKAN	MAKLUMBALAS
	<p>Berdasarkan rekod, JUUP mempunyai 39 unit motorsikal daripada 60 kenderaan yang di bawah seliaan jabatan. Pelantikan Pegawai Kenderaan tambahan dapat memudahkan proses pemantauan dan seliaan kenderaan serta pemeriksaan buku log dilaksanakan dengan lebih menyeluruh.</p> <p>Pemeriksaan audit ke atas motorsikal JUUP mendapati, jabatan masih menggunakan logo rasmi Majlis Perbandaran Seremban. Butiran adalah seperti di Gambar 1 dan Gambar 2.</p> <div style="display: flex; justify-content: space-around;">   </div> <p style="text-align: center;">Gambar 1 Gambar 2</p> <p>Syor Audit: Jabatan perlu mengemaskini logo rasmi Majlis pada motorsikal jabatan kerana kenderaan digunakan untuk tujuan rasmi dan pemantauan. Kenderaan jabatan dengan logo Majlis yang dikemaskini lebih mudah dikenalpasti oleh orang awam.</p>	JUUP	SELESAI
	<p>Pemeriksaan pada motorsikal jabatan juga mendapati, terdapat motorsikal yang tidak mempunya logo rasmi Majlis dan hanya mempunyai nama Jabatan Undang – Undang.</p> <p>Butiran adalah seperti di Gambar 1 dan Gambar 2.</p>	JUUP	SELESAI

MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN
UNIT AUDIT DALAM

LAPORAN PEMERIKSAAN MENGEJUT KENDERAAN BERSAMA DATUK BANDAR
30 Jun 2022

BIL.	PENEMUAN	TINDAKAN	MAKLUMBALAS
	 <p data-bbox="336 714 483 748">Gambar 1</p> <p data-bbox="799 714 946 748">Gambar 2</p> <p data-bbox="185 788 1031 936">Syor Audit : Jabatan perlu mengemaskini logo rasmi Majlis pada motorsikal jabatan kerana kenderaan digunakan untuk tujuan rasmi dan pemantauan.</p>		

~Laporan Tamat~

MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN UNIT AUDIT DALAM

KURSUS PENGURUSAN RISIKO & AUDIT DALAMAN MS ISO 9001:2015 6 JULAI – 8 JULAI 2022

Unit Audit Dalam telah menjalankan Kursus ISO 9001:2015 Audit Dalaman (Pendekatan Risiko) pada 6 hingga 8 Julai 2022 bertempat di Royale Chulan Resort, Cherating. Kursus ini dihadiri oleh 43 orang Juruaudit Dalaman MS ISO 9001:2015 MBS daripada juruaudit sediaada dan tambahan yang baru dilantik daripada pelbagai jabatan dan unit.

Tujuan kursus ini dijalankan adalah bagi meningkatkan pemahaman kepada juruaudit berkaitan Pengurusan Risiko dan pelaksanaan Pengauditan MS ISO 9001:2015 serta meningkatkan teknik pengauditan berasaskan risiko dan cara penyediaan laporan audit. Penceramah kursus ini adalah dari pihak SIRIM STS iaitu En. Saiful Nizam Jasni.



~ Laporan Tamat ~

MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN
UNIT AUDIT DALAM

SUMBANGAN / IMPAK PENGAUDITAN UNIT AUDIT DALAM

1. **Penyelarasan Status Terkini Tindakan Terhadap Isu-isu Dan Penemuan Audit Tahun 2019 sehingga 2021**

Pada awal tahun 2022, sebanyak **87 isu dan penemuan audit** yang masih status belum selesai melibatkan isu dan penemuan tahun **2019 ke tahun 2021** telah diselaraskan dan dibincangkan bersama-sama dengan wakil setiap jabatan dan unit dalam satu sesi *taskforce* bersama Unit Audit Dalam MBS pada 16 Februari 2022.

Hasil daripada sesi *taskforce* tersebut hampir kesemua 87 isu dan penemuan audit tersebut telah mendapat maklumbalas dan tindakan daripada jabatan dan unit yang terlibat. Susulan daripada sesi *taskforce*, beberapa sesi penyelarasan dan perbincangan telah dijalankan oleh Unit Audit Dalam sepanjang tahun 2022 bersama dengan wakil jabatan dan unit yang terlibat bagi memastikan isu audit ini dapat diselesaikan dengan segera supaya tidak menjejaskan operasi dan prestasi perkhidmatan.

Jumlah keseluruhan isu audit yang belum selesai untuk tahun **2019 sehingga 2021 pada 31 Disember 2021** ada seperti berikut:




**MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN
UNIT AUDIT DALAM**

SUMBANGAN / IMPAK PENGAUDITAN UNIT AUDIT DALAM

2. Penambahbaikan Sistem Kawalan Dalaman / Tadbir Urus / Prosedur Kerja

2.1 Bil Utiliti Elektrik 2021

Unit Audit Dalam Majlis Bandaraya Seremban telah membuat semakan dan perakuan untuk bil utiliti elektrik tahun 2021 bagi lampu jalan dan lampu isyarat. Hasil semakan dan perakuan sebanyak **RM4,429,745.35 - Zon Seremban** dan sebanyak **RM5,550,269.02 – Zon Nilai (Jumlah MBS - RM9,980,014.37)** telah diperakukan.



2.2 Hasil Tidak Kenal Pasti Majlis

Pada tahun 2022, Unit Audit Dalam Majlis Bandaraya Seremban bersama-sama dengan Jabatan Kewangan MBS telah membangkitkan isu hasil terimaan yang tidak kenal pasti tahun 2021. Hasil daripada isu tersebut Jabatan Kewangan telah mengadakan taklimat Pengurusan Hasil Tidak Kenal Pasti bersama-sama dengan jabatan dan unit yang terlibat bagi membantu menyelesaikan hasil tidak kenal pasti tahun 2021. Unit Audit Dalam turut beserta dalam taklimat tersebut.

Bank	Baki 31.12.2021 (RM)	Hasil Yang Telah Dikenal Pasti & Telah Diambil Tindakan Pelarasan oleh JKW 24.03.2022 (RM)	
Maybank	668,677.63	668,677.63	100%
RHB	104,661.29	104,661.29	100%
PBT PAY OSC	1,141,461.47	1,141,461.47	100%
JUMLAH	1,914,800.39	1,914,800.39	

MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN
UNIT AUDIT DALAM

SUMBANGAN / IMPAK PENGAUDITAN UNIT AUDIT DALAM

2.3 Data Susulan daripada audit projek dan perolehan pada 21 Februari 2022 ke 28 April 2022, Unit Audit Dalam MBS mendapati terdapat projek yang masih tiada kontrak dengan MBS. Berikutan isu tersebut, UAD telah menjalankan **Pengauditan Perjanjian & Semakan Perjanjian Serta Usahasama pada 1 Ogos 2022 - 30 September 2022**. UAD telah mengenalpasti ada **278 kontrak** yang direkodkan oleh Jabatan Undang-undang Dan Penguatkuasaan MBS untuk tempoh tahun **2020 hingga 2022** seperti yang berikut:



Hasil daripada pengauditan, UAD telah mewujudkan satu data pengurusan kontrak yang membolehkan jabatan dan unit berkait menggunakannya sebagai satu mekanisma kawalan dalam memantau kontrak-kontrak di MBS sebagai contoh kontrak yang akan tamat, keperluan untuk sambung dan sebagainya menggunakan satu data dalam format excel.

**MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN
UNIT AUDIT DALAM**


SUMBANGAN / IMPAK PENGAUDITAN UNIT AUDIT DALAM

3. Sumbangan Hasil Kepada Majlis Bandaraya Seremban

Hasil pemeriksaan mengejut AP 308 Bil 1/2022 di kawasan fasiliti sukan Majlis Bandaraya Seremban mendapati terdapat 8 *vending machine* yang diletakkan disekitar kawasan fasiliti Majlis tanpa dikenakan sewaan tapak dan tiada lesen yang dipamerkan di mesin tersebut.

BIL.	LOKASI PENEMPATAN	JUMLAH (UNIT)
1.	Stadium Tuanku Abdul Rahman	3
2.	Komplek Sukan Negeri (KSN), Paroi	2
3.	Kolam Renang Awam, Paroi	1
4.	Stadium Hoki Dato' Haji Mohd Said, Seremban 2	1
5.	Dewan Majlis Bandaraya Seremban	1
	JUMLAH	8

Hasil daripada isu tersebut, UAD telah menyediakan laporan analisis dan mendapati hasil sewaan lesen tapak bagi satu mesin adalah RM100.00 sebulan dan anggaran kadar elektrik satu mesin adalah RM92.00 sebulan. UAD tidak menemui sebarang data bila mesin-mesin tersebut mula beroperasi di kawasan Majlis. Anggaran pengiraan hasil mesin-mesin tersebut sekiranya adari tahun 2015 lagi beroperasi hingga ke tahun 2022 adalah sebanyak **RM147,456.00** (Tahun 2015 – 2022).





Diterbitkan Oleh:

Unit Audit Dalam

Majlis Bandaraya Seremban

Wisma MBS, Persiaran Forest Height 1,

Jalan Seremban – Tampin,

70450 Seremban, Negeri Sembilan Darul Khusus, MALAYSIA

Ibu Pejabat : 06-765433 | Pejabat Cawangan (Nilai): 06-7989000